# Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

TAHUN 26 BILANGAN 9 | RABU 4HB MACH, 1981. | 1401 رابو 27 ربيع‌الاخير | PERCHUMA


## Senjata api: 7 orang di-berkas

BANDAR SERI BEGAWAN.—Pesurohjaya Pulis, YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid memandang sa-bagai satu kejadian yang amat mendukachitakan atas peristewa hilang-nya 20 laras pistol, peluru dan lain2 senjata dari Markas Simpanan Senjata di-Ibu Pejabat Pulis di-Gadong baru2 ini.



YAM Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya.

Yang Amat Mulia memandang perkara itu sabagai amat serius dalam mana ia-nya boleh menjejas usaha2 yang sedang gigih di-laksanakan bagi menghindarkan negeri ini dari mengalami kejadian2 jenayah berat, dan meninggikan mutu keamanan.

Atas nama Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia tidak ragu2 untok bertindak keras dan memasti-

Lihat muka 24

### Manis-nya Iman

RASULULLAH s.a.w. pernah mengajarkan kapada Sayedina Abu Bakar As-Siddiq suatu do'a. Baginda menyuroh beliau menguchapkan: "Ya Allah! Sesunggoh-nya saya telah banyak menzalimi diri sendiri sedangkan tiada-lah yang akan mengampunkan dosa melainkan Engkau. Maka ampunilah hamba-Mu dengan keampunan dari sisi-Mu serta rahmat-lah hamba-Mu, sesunggoh-nya Engkau-lah Tuhan Yang Maha Pengampun lagi Maha Pengasehani."—HADITH Nabi riwayat Muslim.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan menyampaikan Piala Sultan Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei yang direbut oleh Pasokan Calatagan dari Filipina tahun ini.

## Pasokan DYMM gagal pertahankan Piala Sultan

JERUDONG. — Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan telah gagal mempertahankan kejuaraan-nya tahun ini untok terus menggondol Piala Sultan di-Kejohanan Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali ke-4.

Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menjadi juara tiga tahun berturut-turut di-kejohanan tersebut telah terlepas Piala Sultan yang dipertandingkan ka-tangan Pasokan Calatagan dari Filipina dalam bahagian High Goal.

Bagaimana pun Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah berjaya memenangi perlawanan bagi merebut Piala Terbuka Antarabangsa Brunei di-kejohanan itu yang berlangsong salama enam hari sejak 23hb Februari lalu.

Kemenangan pasokan Baginda itu merupakan kali ke-empat berjaya di-pertahankan sejak Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei di-mulakan pada tahun 1978.

Tempat kedua bagi merebut Piala Sultan tahun ini di-sandang oleh Pasokan Polo Diraja Pahang yang di-ketuai sendiri oleh DYMM Pemangku Raja Pahang dan Pasokan Kebawah Duli Yang Maha Mulia mendudoki tempat ketiga.

Penyampaian hadiah2 bagi kejohanan tersebut telah di-langsongkan di-Kelab Polo Jerudong pada malam Sabtu, 28hb Februari lalu yang telah di-sempurnakan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Berangkat sama di-majlis penyampaian itu termasok-lah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri, DYMM Pemangku Raja Pahang, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Digadong Sahibol Mal dan lain2 Kerabat Diraja serta pembesar2 negara.

## YAB Ketua Menteri Sabah melawat rasmi ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh telah tiba ka-negeri ini pada hari Isnin 20hb Februari untok mengadakan lawatan rasmi empat hari. Ia-nya merupakan lawatan YAB Datuk Harris yang pertama sejak menjadi Ketua Menteri Sabah dibawah pemerentahan Partai Berjaya pada tahun 1976.

Hari pertama YAB Ketua Menteri itu berada disini ia-lah mengadap kahadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei di-Istana Darul Hana.

Rombongan Datuk Harris yang mengandongi sa-orang pegawai kanan Kerajaan Negeri Sabah, isteri dan anak-nya, sajurus sa-lepas itu telah membuat lawatan sengkat ka-bangunan Radio dan Talivishen Brunei.

Rombongan pelawat tersebut telah di-alu-alukan oleh Pengawal Radio dan Talivishen, Dato James Miller. Lawatan-nya ka-Jabatan tersebut telah diiringi oleh isteri YAB Menteri Besar, Datin Musnah bte Mohd Yusof, Timbalan Pengarah Pelajaran, Awg Abdul Razak bin Haji Mohammad serta lain2 pegawai kerajaan.

Rombongan Ketua Menteri Sabah itu pada hari berikut-nya telah mengadakan lawatan ka-Ladang Ternakan Lembu McFarm di-Kampong Tungku Gadong, enam batu dari sini.

Lawatan-nya ka-ladang tersebut telah di-alu2kan oleh Pengarah Pertanian, Dato Paduka Hamid bin Mohd Jaafar. Sa-jurus itu, Ketua Menteri telah diberi taklimat mengenai berbagai aspek perusahaan ladang sa-luas empat ratus ekar itu oleh Pengurus McFarm, Awang Kyosato Oka. Kemudian pelawat dari Sabah itu juga telah di-bawa meninjau ka-sekitar kawasan ladang ternakan lembu McFarm.

YAB Ketua Menteri Sabah juga dalam rangka lawatan-nya itu, termasok-lah menyaksikan Perlawanan Polo Jemputan Anta-

Lihat muka 24



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia menerima mengadap YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh di-Istana Darul Hana.

## Harga minyak naik lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negeri kita sakali lagi menghadapi kenaikan harga jualan minyak yang merupakan kenaikan yang kedua dalam tempoh tujoh bulan kebelakangan ini.

Berikutan dengan persetujuan kerajaan yang bermula pada tengah malam hari Sabtu, 28hb. Februari lalu harga minyak telah di-naikkan pada kadar antara 10 hingga 20 sen tiap2 sa-gelen dari harga yang sedia ada.

Di-Daerah Brunei Muara, Belait dan Tutong harga2 minyak sa-gelen mulai sekarang supershell $2.15, regular $1.60 dan disel $1.40, manakala di-Daerah Temburong, supershell $2.23, regular $1.68 dan disel $1.48. Harga minyak tanah di-seluroh negeri maseh tidak berubah dari yang sabelum-nya.

Harga minyak yang di-jual di-steshen2 perayeran, supershell $2.25, regular $1.70 dan disel $1.55.

## Hayati Islam sa-benar-nya:

# Majlis maulud saudara2 baru Daerah Temburong

TEMBURONG. — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama menyeru saudara2 baru di-daerah ini supaya benar2 menghayati Islam sa-bagaimana yang di-tuntut dan di-kehendaki oleh ajaran2 Islam.

Yang Berhormat itu juga menyeru ahli2 Badan Kebajikan Saudara Baru, khusus-nya pemimpin2-nya supaya akan sentiasa bergerak dengan lebeh aktif lagi dan bekerjasama dengan yunit Gerakan Dakwah Islamiah bagi mempesatkan lagi perkembangan dakwah di-daerah ini.

Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama membuat seruan demikian ketika beruchap sa-jurus merasmikan sambutan maulud Nabi Muhammad s.a.w. anjoran Badan Kebajikan Saudara Baru Daerah Temburong yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Amo di-sini pada malam Khamis 21hb. Februari yang lalu.

Dari ada-nya kerjasama mereka dalam gerakan dakwah itu tambah Yang Berhormat itu ia-nya sangat di-perlukan pada melichinkan lagi perjalanan sebaran dakwah yang di-sifatkan saperti kata pepatah orang2 tua "Dahan Pembelah Batang".

Kata-nya, dan pada menjalankan sa-tiap dakwah itu berjalan dengan lanchar dan berkesan, kursus atau tunjok ajar pada tiap2 bulan di-Daerah Temburong akan di-atorkan yang bukan sahaja untok orang2 yang tertentu dalam yunit gerakan dakwah bahkan juga untok kepentingan saudara2 baru yang bertujuan samata2 pada memesatkan pergerakan dakwah.

Mengenai dengan ranchangan Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Daerah Temburong, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja memberitahu bahawa satu peraduan membacha Kor'an bagi orang2 mualaf perengkat negeri akan di-langsongkan yang berpusat di-Daerah Temburong dan di-jangka akan di-adakan pada bulan Mei depan.

Kata Yang Berhormat itu lagi, ranchangan tersebut telah mendapat persetujuan dari daerah2 yang lain di-negeri ini untok menghantar wakil2-nya ka-peraduan itu nanti.



JEMPUTAN khas dan lain2 jemputan yang menghadhiri majlis sambutan malam itu.

Turut memberikan uchapan di-majlis itu termasok-lah pengerusi sambutan, Awang Ariffin bin Abdullah dan uchapan Awang Haji Besar bin Abu Bakar, Kahdi Daerah Temburong yang mewakili Ketua Yunit Gerakan Dakwah

Achara pada malam itu telah di-serikan dengan peraduan membacha Tahayat Akhir bagi saudara2 baru (perempuan) di-samping persembahan nashid dan marhaban yang di-sampaikan oleh saudara2 baru.

Hadhir sama di-majlis itu termasok-lah Pegawai Daerah Temburong, Awg. Haji Zakaria bin Jeneh yang juga telah menyempaikan hadiah2 kapada pemenang peraduan membacha Tahayat Akhir.



MENDENGAR dengan hati terbuka dan fikiran yang tenang itu boleh memberikan ilham dan chorak pemikiran yang baik serta jauh penghayatan. Begitu-lah sikap perhatian yang di-berikan oleh para belia ini ketika menghadhiri Kuliah Ugama Bagi Belia2 yang telah di-adakan di-Daerah Temburong.

# Kuliah Ugama Bagi Belia2 Daerah Temburong

PEKAN BANGAR. — Persatuan Pemuda Pemudi Melayu Temburong (3-PMT) bersama gabongan WI dan Persatuan Pengakap dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menganjorkan satu Kuliah Ugama Bagi Belia yang telah di-adakan di-Masjid Utama Mohammad Salleh di-sini, minggu lalu.

Kuliah Ugama yang di-adakan dalam masa sengkat itu telah di-sertai oleh 125 orang belia dan beliawanis, di-mana ia-nya bertujuan untok memberi kefahaman dengan lebeh jelas dan mendalam lagi mengenai peranan belia sa-bagai model jenerasi Islam yang bertanggongjawab terhadap negara-nya di-samping menanamkan semangat jihad dalam jiwa mereka bagi menchapai kehidupan yang di-redhai oleh Allah serta memupok semangat dakwah Islamiah di-kalangan belia dan beliawanis tempatan.

Demikian telah di-jelaskan oleh Pengelola Kuliah Ugama Bagi Belia Sa-negeri Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Damit dalam uchapan alu-aluan-nya di-majlis itu.

Kuliah tersebut telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Temburong, Awg. Haji Zakaria bin Jeneh.

Tetamu khas yang hadhir di-majlis itu termasok-lah Pengetua Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain yang juga telah menyampaikan satu cheramah khas mengenai dengan pembentokan peribadi belia Islam yang tulen.

Menurut Yang Berhormat Pengetua Hal Ehwal Ugama, belia2 Islam di-zaman Rasulullah sangat tinggi keimanan-nya dan tidak pernah 'tabalurut' walau pun menghadapi anchaman maut. Yang Berhormat sa-terus-nya telah menyentoh beberapa riwayat belia Islam di-zaman itu sa-bagai perbandingan betapa ketinggian peribadi mereka yang patut di-chontohi oleh belia2 Islam dalam zaman moden ini.

Di-samping mendengar cheramah, para peserta kuliah juga telah mengikuti satu achara khas iaitu mengenai dengan menghalusi bachaan dan perbuatan di-dalam sembahyang.

Antara yang hadhir di-majlis pagi itu termasok-lah Kadhi Daerah Temburong, Awang Haji Besar bin Abu Bakar, Yang Berhormat Pehin Datu Laila Raja Awang Haji Abu Bakar bin Baha serta Pegawai2 Kanan Kerajaan.

# Angka-tunjok harga Januari 81 meningkat lagi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angkatunjok harga barang2 pengguna bagi bulan Januari 1981, telah meningkat sa-banyak 1.6 peratus jika di-bandingkan dengan bulan Disember tahun 1980.

Pada keselurohan-nya angkatunjok bagi bulan Januari 1981, ia-lah 8.7 peratus, ia-itu lebeh tinggi jika di-bandingkan dengan Angkatunjok bagi bulan Januari, 1980.

Kenaikan yang agak besar ini ada-lah terutama-nya di-sebabkan oleh keadaan chuacha burok yang berterusan di-Brunei pada bulan2 kebelakangan ini dan tambahan pula dengan musim2 perayaan tahun baru.

Menurut angkatunjok kumpolan, 'makanan' ada-lah yang paling tinggi ia-itu sa-banyak 3.4 peratus daripada bulan Disember, 1980. Bagi alat2 perabut, perhiasan2 dan alat2 kelengkapan rumah-tangga serta pemasangan-nya sa-banyak 0.1 peratus dan angkatunjok bagi 'permai nan, hiburan, pelajaran dan perkhidmatan2 kebudayaan sa-banyak 0.3 peratus. Sementara itu, angkatunjok bagi bulan Januari, untok lain2 kumpolan maseh tetap tidak berubah.

Barang2 yang menyebabkan naik-nya angkatunjok bulan Januari lepas, ia-lah di-berbagai jenis sayor-sayoran saperti kubis bulat, kachang panjang, timun, terong dan lain2 lagi. Makanan yang sedia masak saperti kari ayam, lembu, dan ikan dan juga lain2 barang saperti kek, buah-buahan, daging ayam mentah, udang, gula kiup, lada, kachang tanah, pengilap kasut dan lain2 lagi juga telah meningkat naik.

Angkatunjok kumpolan kechil yang hanya mengimbangi kenaikan ia-lah 'susu, keju dan telor' yang turun sa-banyak 0.6 peratus.

# KOTA BELUD kawasan ta'un

BANDAR SERI BEGAWAN. — Daerah Kota Belud, Sabah telah pun di-istiharkan sa-bagai kawasan yang di-jangkiti taun pada hari Ahad, 1hb. Februari lepas.

Berikutan dengan kejadian itu, satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Jabatan Laut Brunei telah menjelaskan semua kapal2 yang datang ka-perayeran Brunei dari daerah tersebut sa-chara langsong atau pun melalui pelabohan2 perantaraan akan di-asingkan.

Kenyataan tersebut juga menjelaskan semua orang yang di-bawa dalam kapal2 itu dan pegawai2 Kerajaan yang naik ka-dalam kapal2 yang berkenaan ka-perayeran Brunei, di-kehendaki tinggal dalam kapal itu sa-hingga ia di-bebaskan.



DI-INDOOR Range, penuntut2 di-tunjok ajar chara2 menembak dengan senjata Rifle, M16.

## Lawatan penuntut2 ka-Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei

BOLKIAH KEM. — Sa-ramai 33 orang penuntut dari Tingkatan Lima dan Empat, Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan/Sekolah Sains di-Jalan Muara, pada hari Selasa lalu, 24hb. Februari, telah membuat lawatan ka-beberapa chawangan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei.

Lawatan yang di-ketuai oleh dua orang guru itu, ada-lah merupakan satu aktiviti dari sekshen kerjaya maktab tersebut, yang bertujuan bagi memberikan peluang kapada penuntut memileh peluang2 pekerjaan dalam kerjaya tentera.

Sa-belum memulakan lawatan ka-beberapa tempat di-Bolkiah Kem, rombongan tersebut telah mendengar uchapan alu-aluan dari Pegawai Pengambilan Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Maharaja Lela Dato Seri Laila Jasa Awang Musa bin Haji Ya'akub, yang juga memberikan penerangan mengenai pasokan itu.

Di-Bolkiah Kem penuntut2 telah di-bawa melawat ka-Muzium Pasokan, Chawangan Semboyan di-mana penuntut2 di-beri penerangan mengenai chara2 penggunaan radio, typing dan teleprinter dan di-Indoor Range, di-mana mereka di-ajar menembak dengan Rifle M16.

Sa-lain dari itu, rombongan tersebut, yang juga di-temani oleh dua orang pegawai Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Lt. Ya'akub dan WOI Abd. Rajab, telah membuat lawatan ka-beberapa bahagian Bengkel Pasokan, termasok Bahagian Mekanik, Teknikal dan setor alatganti.

Di-sa-belah petang, penuntut2 telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian di-Angkatan Laut Pertama di-Muara, bagi menyaksikan dan mendengar penerangan mengenai kapal2 ronda dan kapal2 pendarat.

Terdahulu dari itu, rombongan telah menerima penerangan mengenai Angkatan Laut Pertama dan kemudahan2 yang terdapat di-dalam-nya, oleh Kaptan Ismail.

## 33 pegawai pulis di-naikkan pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 33 orang pegawai Pulis Diraja Brunei telah di-naikkan pangkat. Sa-orang daripada mereka di-naikkan pangat sa-bagai Penolong Pesurohjaya Pulis, dua orang ka-pangkat Penguasa Kanan, lima orang ka-pangkat Penguasa, tujoh orang ka-pangkat Timbalan Penguasa, tiga orang ka-pangkat Penolong Penguasa, lima orang ka-pangkat Ketua Inspektor, sembilan orang ka-pangkat Inspektor Kanan dan sa-orang ka-pangkat Inspektor.

Dato Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abdul Rahim di-naikkan pangkat ka-Jawatan Penolong Pesurohjaya Pulis. Beliau sekarang menjadi Ketua Chawangan Khas.

Dua orang di-naikkan pangkat Penguasa Kanan. Mereka ia-lah Dato Haji Abd. Rahman bin Haji Awang Besar, Pegawai Turus Kanan Gerakan dan Alias bin Sheikh Ahmad, Timbalan Ketua Chawangan Khas.

Lima orang pegawai telah di-naikkan ka-pangkat Penguasa. Mereka ia-lah Awang Petts, Pengiran Hamzad bin Pengiran Haji Ismail, Dato Abdul Rahman bin Abd. Hamid, Kevin Fung dan Walter Boyd.

Sementara itu, tujoh orang pegawai telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Timbalan Penguasa Pulis. Mereka ia-lah Awg. Mohammad Freddie Chong, Pengiran Dato Kamaluddin bin Pengiran Hj. Besar, Awang Adnan bin Omar, Awang Sim Boon Kiat, Awang Manan bin Osman, Awg. Hussin bin Hidup, dan Awang Abd. Hamid bin PDIS Haji Johari.

Manakala tiga orang pegawai yang di-naikkan pangkat ka-Penolong Penguasa Pulis ia-lah Dato Joseph Yong, Awang Abu Bakar bin Dato Sh. Osman dan Zainal Abidin bin Haji Sanip.

Lima orang pegawai telah di-naikkan pangkat ka-jawatan Ketua Inspektor. Mereka ia-lah Dato Haji Hamzah bin Salleh, Abd. Ghani bin Mahid, Han Foo Kwang, Haji Mohd. Rakawi bin Mohammad, dan Abdullah bin Ishak.

Di-samping itu, sembilan orang lagi pegawai di-naikkan pangkat menjadi Inspektor Kanan. Mereka ia-lah Zainuddin bin Abd. Rahman, Mohd. Ali bin Omar, Jaafar bin Haji Majid, Chin Chung Seng, Anwar bin Haji Abdullah, Dato Suhaimi bin Awang Damit, Pehin Dato Haji Razak bin Abdullah, Haji Zaidin bin Haji Awang dan Bubli bin Jumaat.

Sementara itu, sa-orang pegawai lagi, Pengiran Ibrahim bin Pengiran Haji Abas, di-naikkan pangkat ka-jawatan Inspektor.

Kenaikan pangkat bagi 33 orang pegawai2 tersebut bermula pada 1hb. Mach, 1981, yang baru lalu.

## Berkursus ka-seberang laut

BERAKAS KEM. — Sa-orang lagi anggota Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei dari Bengkel Pasokan, 6133 Perajurit Hanifah bin Abdullah, akan berlepas ka-United Kingdom hari Isnin depan, 9hb. Mach, 1981, bagi mengikuti kursus Asas Elektronik.

Perajurit Hanifah akan mengikuti kursus tersebut di-Sekolah Kejuruteraan Elektronik di-Abrofield, England, sa-lama lapan bulan, bermula pada 11hb. Mach hingga 16hb. Nobember tahun ini.

Sementara itu, lapan orang Kadet pasokan tersebut dari Pusat Latehan, yang di-ketuai oleh 3359 WO2 Othman bin Saman, telah bertolak ka-Singapura awal Mach lepas bagi mengikuti kursus lima hari Outward Bound di-Sekolah Outward Bound, Pulau Ubin, Republik Singapura.

Kadet yang terpileh bagi menyertai kursus itu ia-lah Kadet Ali Hassan bin Sulaiman, Yazih bin Dian, Ismail bin Omar, Norfadillah bin Jumat, Wahab bin Jumahat, Rining Uga, Job bin Sichang dan Masing bin Umbol.

Sa-ramai sembilan orang lagi di-jangka akan berlepas ka-republik itu bagi mengikuti kursus yang sama pada hari Ahad depan, 8hb. Mach.

Menyertai rombongan itu ia-lah Kadet Abd. Ghani bin Sirat, Zahari bin Hashim, Abd. Rahim bin Hj. Mohammad, Harris bin Daud, Rosli bin Haji Munap, Masari bin Hashim, Latip bin Mokti, Rafa'ee bin Yakub, dan Zainal Abidin bin Anwar. Mereka akan di-ketuai oleh 4297 Sgt. Nayan bin Lamat.

## Harga barang2 keperluan harian

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebeh sederhana rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kapada orang ramai bahawa barang2 yang tersebut di-bawah ini bermula dari minggu 26hb Februari 1981.

**BANDAR SERI BEGAWAN**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Ming Thai Company,
   No. 32, Jalan Sultan.
2. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a. Hock Huat,
   No. 62, Jalan McArthur,
   b. Liong Yu Company,
   No. 58, Jalan Sultan.
3. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
   a. Sharikat Haji Abdul Rahman,
   No. 94, Jalan Chevalier.
   b. Ghee Guan,
   No. 4, Jalan McArthur.
4. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   A. M. Ali Maricar,
   No. 87, Jalan Chevalier.
5. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a. Lam Seng,
   No. 3, Jalan McArthur.

**KUALA BELAIT**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $26.00 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Eng Soon Seng,
   No. 58, Jalan Pretty
2. KULAT KERING BERTANGKAI—$3.00 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut:—
   a. Chop Hwa Min,
   Bangunan Dewan Perdagangan China.
   b. Fah Sen & Company.
   No. 27, Jalan Pretty
3. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Choo Seng
   No. 20, Jalan Pretty.
4. KACHANG KUDA — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   a. Chap Hwa Min,
   Bangunan Dewan Perdagangan China.
5. ASAM JAWA CHAP SINGA — 60 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a. Chop Hwa Min,
   Bangunan Dewan Perdagangan China.

**SERIA**

1. MINYAK MAKAN (Chap Bunga 24 kati) — $27.50 sa-tin boleh di-beli dari kedai berikut: :—
   Chop Yick Hoe,
   No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KULAT KERING BERTANGKAI—$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Nam Wah,
   No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
3. BAWANG MERAH — $1.50 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
   Chop Siong Huat,
   No. 54, Jalan Bunga Kuning.
4. KACHANG KUDA — $1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut:—
   Chop Koh Seng Hong,
   No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
5. ASAM JAWA CHAP SINGA — 55 sen sa-bungkus boleh di-beli dari kedai berikut : —
   a. Chop Kun Mee,
   No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

## 4hb. hingga 11hb. Mach, 1981

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 4.3.1981 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 4.3.1981 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Meloyu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 4.3.1981 | Rabu | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Birau | 7.3.1981 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 7.3.1981 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 7.3.1981 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Kawasan Rumah Penghulu Mukim Serasa, Jalan Muara | 8.3.1981 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong, Masjid Lama | 8.3.1981 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Berhadapan Kedai, Pekan Muara | 8.3.1981 | Ahad | 11.30–12.30 T/Hari |
| Maktab Paduka Seri Begawan Sultan, Jalan Muara | 9.3.1981 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh, Sungai Hanching | 9.3.1981 | Isnin | 3.00– 4.00 ,, |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bgh. Menengah) | 10.3.1981 | Selasa | 9.15–10.15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerek Desa | 10.3.1981 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Melayu Penglima Berudin, Limau Manis | 11.3.1981 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 11.3.1981 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 11.3.1981 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |

# SA-TIAP ANGGOTA MASHARAKAT BERTANGGONG-JAWAB MEMBETULKAN KEADAAN

KALAU kita perhatikan apa sahaja di-dunia ini neschaya kita dapati bahawa segala sa-suatu itu keadaan-nya berlawanan, siang lawan-nya malam, bumi lawan-nya langit, benar lawan-nya salah, baik lawan-nya jahat, ke bajikan lawan-nya kemungkaran, dan begitu-lah seterus-nya, sa-hingga kalau manusia kurang waspada dalam hidup-nya neschaya manusia mudah terjerumus ka-dalam lembah kesesatan, kemaksiatan dan kemungkaran.

Sa-kali pun manusia sudah di-korniakan pancha-indera yang lengkap, serta akal fikiran yang sempurna, namun dalam menghadapi godaan dan rangsang-nya nafsu dan shaitan, selalu benar iman manusia menjadi luntor. Manusia selalu benar di-kalahkan oleh godaan2 dan rangsangan2 nafsu dan shaitan itu, kerana kurang kuat menahan nafsu-nya. Akhir-nya manusia mudah jatoh ka-dalam perkara2 maksiat, mudah melanggar batas larangan Allah dan mudah tersesat daripada mengikuti hukum2 ugama yang benar.

## KA-JALAN BENAR

Kerana itu Nabi Muhammad s.a.w. senghaja di-utus oleh Allah Taala untok menyampaikan ajaran2 Ugama Islam kapada seluroh umat manusia di-dunia ini dan membimbing mereka ka-jalan yang benar dan lurus demi untok kebahagiaan mereka hidup di-dunia dan d-akhirat, dan demi untok menyedarkan mereka dari kelupaan dan kelalaian mereka seterus-nya menyedari akan kewajipan2 mereka di-dalam hidup-nya terhadap diri-nya, masharakat-nya, bangsa-nya, tanah ayer-nya dan ugama-nya. Atau dengan kata2 yang lain agar manusia segera kembali ka-jalan Allah, kembali ka-jalan hidup yang di-redhai Allah, sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam firman-Nya dalam Surah Al-Zuriat ayat 55, yang kira2 bermaksud: *"Dan berikan peringatan (wahai Muhammad) kapada mereka, kerana sa-sunggoh-nya peringatan itu berguna kapada orang2 yang beriman."*

## MEMELIHARA KEBAIKAN

Dalam sa-buah hadith, Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang kira2 bermaksud: *"Ugama itu mengandongi nasehat"*. Ini bererti bahawa Ugama Islam ada-lah mengandongi beraneka macham ingatan dan nasehat yang suchi, yang jika di-ikuti dan di-amalkan neschaya membawa umat manusia ka-arah pembentokan peribadi yang luhor dan tinggi, menjadi manusia yang saleh dalam erti yang sa-benar-nya.

Sa-laku umat Islam yang berkewajipan memberi ingatan dan nasehat antara satu dengan lain bagi mempastikan jangan ada kalangan umat itu yang tersesat jalan atau menyeleweng dari ajaran2 ugama dan demi memelihara kebaikan, keutonan dan kesejahteraan seluroh umat, maka sa-tiap orang2 mukallaf yang mengetahui atau melihat atau menyaksikan sa-suatu maksiat dan mungkar di-lakukan hendak-lah berusaha sa-berapa yang terdaya oleh-nya bagi mengnentikan perbuatan jahat itu menurut kehendak Ugama Islam dan menurut lunas undang2 yang berkuatkuasa di-negeri ini di-mana2 yang perlu.

Ingatan2 dan nasehat yang baik lagi berlemah lembut, amat besar kesan-nya orang yang di-beri ingatan atau nasehat itu sa-kira-nya ia benar2 sa-bagai orang yang beriman. Tetapi kalau di-biarkan, besar kemungkinan orang yang berkenaan maseh lalai dan tiada ingat akan kesalahan-nya itu yang biasa-nya bukan hanya terkena kapada diri-nya bahkan pasti-lah akan menukar kapada anggota masharakat yang lain.

## NASEHAT-MENASEHATI

Dalam Surah Al-'Asar, Allah Taala telah menyatakan antara lain yang maksud-nya lebeh kurang begini: *"Demi waktu, sa-sunggoh-nya manusia itu ada-lah di-dalam kerugian, kechuali (yang tiada rugi itu) ia-lah orang2 yang beriman dan beramal saleh serta saling nasehat-menasehati antara satu dengan yang lain dengan perkara yang benar dan hak, dan nasehat-menasehati antara satu dengan yang lain dengan kesabaran dalam melakukan keta'atan kapada Allah dan menjauhi larangan."*

Dari itu wahai kaum muslimin, jika tuan2 mendapati ada sa-barang orang yang melakukan maksiat khas-nya orang Islam jangan-lah di-diamkan dan di-biarkan begitu sahaja, bahkan hendak-lah tuan2 usahakan dengan apa2 langkah yang tuan2 fikir berkesan bagi menchegah-nya, khas-nya dengan membuat ingatan dan nasehat yang baik kapada-nya. Dengan jalan demikian masharakat Islam kita akan sentiasa hidup di-atas batas2 yang di-tentukan oleh Allah dan tidak akan berada lebeh lama dalam apa jua maksiat dan penyelewengan dari ajaran2-Nya. Sebab sa-tiap anggota masharakat ada kesedaran dan tanggong-jawab untok membetulkan keadaan masharakat.



## Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagai Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 4hb Mach, 1981 hingga kahari Selasa 10hb Mach, 1981 ada-lah saperti di-bawah ini: —

| *Hari Bulan* | *Dzuhor* | *Asar* | *Magrib* | *Isha* | *Imsak* | *Suboh* | *Matahari Terbit* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 5hb Mach | 12.38 | 3.57 | 6.38 | 7.49 | 5.01 | 5.16 | 6.31 |
| 6hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 7hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 8hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 9hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |
| 10hb Mach | 12.37 | 3.56 | 6.37 | 7.48 | 5.00 | 5.14 | 6.29 |

Waktu2 sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12.45 tengah hari.

# Perjumpaan pelajar2 kelas dewasa ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa majlis perjumpaan pelajar2 kelas dewasa ugama di-negeri ini telah di-adakan di-beberapa tempat.

Majlis perjumpaan itu di-adakan sempena sambutan Maulud Nabi Muhammad s.a.w. tahun ini, yang bertujuan untok mempesatkan lagi perkembangan kelas2 dewasa ugama di-negeri ini.

Achara penting dalam majlis perjumpaan itu ia-lah sharahan khas yang di-sampaikan oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Majlis perjumpaan tersebut telah di-mulai pada hari Sabtu lepas 21hb Februari 1981 yang di-adakan di-Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di-Jalan Tutong bagi pelajar2 kelas dewasa ugama di-Daerah Brunei dan Muara.

Tetamu kehormat dan menyampaikan sharahan di-majlis itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, Kadhi Besar Brunei.

Beberapa orang Pegawai Kanan Jabatan Hal Ehwal Ugama juga hadhir di-majlis tersebut.

Sementara itu majlis perjumpaan bagi pelajar2 kelas dewasa ugama di-kawasan Belait telah juga di-adakan pada 27hb. Februari lalu bertempat di-Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kuala Belait.

Manakala pelajar2 kelas dewasa di-Daerah Tutong telah mengadakan majlis perjumpaan itu pada 1hb. March bertempat di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain.

Sementara majlis perjumpaan bagi pelajar2 kelas dewasa kawasan Pekan Seria telah berlangsong di-Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah pada 3hb. Mach.

Satu lagi perjumpaan yang sama juga akan di-adakan di-Sekolah Melayu Sungai Liang bagi pelajar2 kelas dewasa ugama Mukim Sungai Liang pada 15hb. Mach mulai jam 2.00 petang.

# *Hindarkan diri dari sifat2 pendusta ugama*

**O Bingkisan minggu ini**

Di-dalam Al-Kor'an, telah di-cheritakan suatu peringatan yang menarek berhubong dengan golongan yang mendustakan ugama mereka (ugama Allah). Cherita peringatan tersebut terkandong dalam maksud Suratul Ma'aun, ayat 1 hingga 7, yang di-mulai dengan pertanyaan Allah kapada Rasulullah s.a.w. mengenai dengan golongan yang mendustakan ugama itu. Kemudian pertanyaan itu di-jawab dan di-tegaskan sendiri oleh Allah, di-mana pada kesimpulan-nya terdapat lima golongan besar sa-bagaimana yang di-maksudkan oleh ayat tersebut.

### ANAK YATIM

Golongan yang pertama, sa-bagai pendusta ugama itu, ia-lah mereka yang menengking atau memaki hamun dan menghalau anak yatim, yang kematian ibu-bapa. Terlabeh-lebeh lagi tidak ada tempat bergantong hidup, tambahan pula dalam kemiskinan dan memerlukan pertolongan. Erti-nya Allah tidak mahu mereka yang bersifat kasar terhadap anak2 yatim, malahan Allah menghendaki memberi pertolongan dengan ala kadar yang terdaya mengikut keikhlasan hati serta timbang rasa sa-mata2.

Golongan kedua, ia-lah mereka yang bersifat kedekut atau bakhil (Ketam batu) terhadap harta-nya. Ia-itu mereka yang tidak sudi memberikan sedekah, umpama-nya memberi makan kapada orang fakir dan miskin atau terhadap mereka yang menghendaki-nya, sedangkan mereka terbokti dan mampu berbuat saperti itu, erti-nya ada sedikit kelebehan rezeki dari Allah.

### LALAI

Sementara golongan ketiga, pula ia-lah mereka yang lalai pada menunaikan sembahyang, jika pun di-lakukan-nya sa-kadar di-kerjakan dengan chara sambil lewa saja, erti-nya kalau ia suka sembahyang ia sembahyang, jika dia tidak suka, di-tinggalkan begitu saja, bukan ada apa2 sebab, umpama-nya dia sakit. Dan yang terlabeh di-chap oleh Allah sa-bagai pendusta ugama ia-lah mereka yang langsong tidak melakukan sembahyang, sedangkan sembahyang itu tiang Ugama Islam.

Dan sa-terus-nya golongan keempat, ia-lah mereka yang bersifat ria', maksud-nya mereka yang bermegah dan menunjok-nunjok agar mendapat pujian dan sanjongan ketika mereka melakukan amalan atau mengerjakan sa-suatu pekerjaan, sama ada dalam amalan untok diri-nya mau pun pekerjaan yang bersangkutan dengan orang ramai (masharakat).

Tegas-nya mereka ini membuat sa-suatu pekerjaan itu bukan kerana Allah, melainkan mengharapkan satu balasan tertentu dari penat lelah-nya itu, sedangkan sifat ria' ini tergolong dalam dosa besar lagi amat di-benchi oleh Islam.

### ENGKAR

Golongan terakhir ia-itu golongan kelima, ia-lah mereka yang engkar dan lari dari menunaikan pemberian zakat, sedangkan mereka telah sampai kepada kewajipan mengeluarkan-nya, erti-nya mereka mempunyai harta yang boleh di-keluarkan zakat-nya. Kerana keengganan mereka ini Allah telah mengechap sa-bagai pendusta ugama, di-samping tidak mempunyai perikemanusiaan terhadap sa-sama manusia yang memerlukan pertolongan, ia-itu mereka yang kurang bernasib baik dalam kehidupan-nya.

Semoga dengan cherita peringatan yang tersebut itu menjadi renongan dan penjelasan buat kita bersama, di-samping sa-bagai tamkil ibarat untok menghindarkan diri kita dari di-chap oleh Allah sa-bagai pendusta ugama, tapi sa-balik-nya mengharapkan petunjok Allah sa-mata.

Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Isra', Ayat 31 :

وَلَا تَقْتُلُوٓا أَوْلَادَكُمْ خَشْيَةَ إِمْلَاقٍ ( الاية ) .

Tafsir-nya: *Jangan kamu bunoh anak2 kamu kerana takutkan papa dengan di-tanam hidup2 (atau dengan menghadkan beranak atau dengan chara menggugorkan anak dalam kandongan atau menjadikan mandul dan sa-bagai-nya daripada perbuatan orang2 yang tiada takutkan Allah Ta'ala pada zaman sekarang). Kami menjamin akan memberi rezeki kapada mereka dan memberi makan kapada kamu, bahawa membunoh anak2 itu ada-lah suatu kesalahan dan berdosa besar kerana menghabiskan baka keturunan (perbuatan itu ada-lah perbuatan kejam, ganas dan merebakkan pelachuran)* (dari Tafsir Al-Jalalain dan Al-Baidzawi).

## YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........



HAJI ISMAIL BIN OMAR ABDUL AZIZ (YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama) D.K., P.S.S.U.B., D.S.L.J., S.M.B., P.H.B.S., P.I.S. Azhar dan U. Cairo. Mufti

Siri ke-69

# MENGKHASI BINATANG DAN MEMBUNOH ANAK (II)

### IKATAN SETIA

Allah Ta'ala telah mengingatkan Rasul-nya Syedina Muhammad (Sallallahu 'Alaihi Wassallam, apabila orang2 perempuan mu'minat datang kapada Rasulullah hendak membuat ikatan taat setia dalam ugama Islam hendaklah Rasulullah mengikatkan taat setia itu dengan perempuan2 mu'minat sabagaimana yang telah dilakukan oleh Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) ketika mengikat taat setia dengan orang laki2 mu'min pada masa berlakunya peperangan 'Membuka Mekah', firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Mumtahinah, Ayat 12:

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ إِذَا جَاءَكَ الْمُؤْمِنَاتُ ( الاية ) .

Tafsir-nya: *Hai Nabi Allah (Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassallam), apabila orang2 perempuan mu'minat datang kapada kamu hendak mengikat taat setia dalam Islam maka hendaklah perempuan2 itu jangan menyekutukan sa-suatu dengan Allah, dan tiada mereka menchuri juga tiada berzina, tiada bermukah dan tiada mereka membunoh anak2 mereka kerana takut papa saperti menanam anak mereka hidup2 atau lain2 jalan dan chara saperti menchampakkan anak kadalam sungai. Dan tiada mereka membuat dusta dengan mengatakan anak yang di-pungut-nya itu sabagai anak-nya (daripada suami-nya). Dan tiada-lah mereka mendurhakai kamu pada perkara yang ma'ruf (perkara mentaati Allah saperti meninggalkan perbuatan meraong2 pada masa kematian dan sa-bagainya dari perkara2 yang dilakukan di-zaman Jahilliah dahulu). Maka apabila mereka hendak mengikat taat setia, hendak-lah kamu ikat taat setia dalam perkara yang tersebut dengan mereka itu. Mereka akan di-beri pahala apabila mereka tetap menunaikan ikatan taat setia mereka.*

Ini-lah hukum dalam perkara membunoh anak saperti yang di-terangkan di-dalam Al-Kor'an pada beberapa tempat, dan tiada-lah Allah menyerahkan perkara ini kapada ulama dengan berdasarkan ijtihad mereka semata2.

### HUKUM MEMANDULKAN KUCHING

Ada pun dalam masaalah membedah kuching betina supaya mandul di-sebabkan susah hendak memelihara dan memberi makan, sementara itu jika hendak di-buang pula terasa sayang dan timbul kasehan, maka yang demikian perbuatan itu ada-lah sesat serta di-galakkan oleh orang2 yang sesat yang tiada mendapat petunjok dan hidayat daripada Allah Ta'ala, sa-bagaimaan halnya orang2 mushrikin memandulkan perempuan supaya jangan banyak anak kerana takutkan ekonomi merosot dan sa-bagai-nya dari perkara2 khayalan, andaian dan agakan yang tiada dapat di-jadikan sandaran bagi istinbath dan mengeluarkan sa-suatu hukum.

Jika ada perasaan kasehan dan ehsan pada kuching betina itu beri-lah ia makan, sa-kira-nya ia tidak berbuat demikian lepaskan-lah kuching tiu mera-yau2 menchari habuan-nya di-mana2 jua di-permukaan bumi Allah yang luas ini.

### HUKUM MENAROH EHSAN

Perlu di-fahami di-sini bahawa ugama Islam itu ada-lah ugama yang berdasar-umbikan rahmat dan ehsan atau belas kasehan, sa-bagaimana tersebut dalam sa-buah hadith Nabi (Sallallahu 'Alaihi Wassallam):

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ تَبَارَكَ وَتَعَالَى ارْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ يَرْحَمْكُمْ مَنْ فِي السَّمَاءِ .

Erti-nya: *Orang2 yang berhati rahmat itu, neschaya di-rahmatkan mereka oleh Tuhan yang bersifat Ar-Rahman Tabaraka Wata'ala, kasehan-lah kamu akan siapa yang di-atas bumi, supaya di-kasehankan kamu oleh siapa yang ada di-langit.*

Menurut suatu hadith lain di-riwayatkan oleh Al-Imam Al-Bokhari dan Muslim berbunyi:

مَنْ لَا يَرْحَمْ لَا يُرْحَمْ .

Erti-nya: *Barangsiapa tiada ada belas kasehan dan rahmat di-hati-nya neschaya tiada-lah ia di-beri rahmat dan belas kasehan.*

Menurut riwayat lain lagi yang di-riwayatkan oleh kedua2 Imam itu berbunyi:

مَنْ لَا يَرْحَمِ النَّاسَ لَا يَرْحَمْهُ اللهُ .

Erti-nya: *Barangsiapa tiada kasehankan orang, maka Allah Ta'ada tiada-lah kasehankan dia.*

Ini-lah dia Islam yang terkenal sa-bagai ugama rahmat dan ugama kasehan. Terkechuali pada masaalah mengkhasikan binatang yang halal di-makan pada masa kechil-nya supaya binatang itu gemok, banyak daging dan enak rasa-nya, maka perbuatan ini telah di-benarkan oleh Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam). Jadi perkara belas kasehan tiada-lah timbul di-sini.

### HUKUM MENYEKSA KUCHING

Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah menegah dari menyeksa kuching, orang yang menyeksa kuching akan di-tempatkan dalam neraka jahanam, sa-bagaimana cherita dalam suatu hadith yang kira2 menerangkan tentang sa-orang perempuan masok neraka di-sebabkan ia menyeksa sa-ekor kuching, kuching itu di-kurong-nya sa-hingga mati tanpa di-beri makan dan minum, dan tiada pula perempuan itu melepaskannya merayau2 supaya membolehkan-nya makan binatang yang melata di-atas muka bumi (Hadith itu di-riwayatkan oleh Al-Imam Bokhari dan Muslim.)

Ada pun membedah kuching betina sama-lah hukum-nya dengan mengkhasikan binatang yang tiada halal di-makan atau mengkhasikan binatang yang halal di-makan tetapi ia telah tua — kesemuanya itu haram dan perbuatan itu di-kira sia2.

Binatang saperti kuching itu telah di-jadikan Allah dengan keadaan hidup-nya begitu ia-itu berada di-merata2 di-mana jua bumi Allah. Allah menanggong makan, minum dan keselamatan-nya dari pertukaran berbagai musim dan dari anchaman binatang2 lain. Sa-kira-nya kuching itu sakit, maka harus kita mengubati-nya kerana Islam ugama rahmat dan apabila kuching itu mengganas harus-lah kita melawan-nya walau pun sampai membunoh-nya kerana pada ketika itu ia telah terkeluar dari keadaan biasa sa-bagaimana di-sebut dalam kitab2 feqah pada bab "Mengganas".

Menurut ulama feqah dalam bab "Nafaqat" (perkara sara hidup), barangsiapa mempunyai binatang hendak-lah memberinya makan kadar sampai kenyang sahaja, jikalau tiada sanggup memberi makan hendak-lah menyembeleh-nya sakira-nya binatang itu halal, jika tiada halal maka boleh-lah menjual-nya atau melepaskan-nya dan haram menyembeleh-nya.

Syedina Ali (Karramallahu Wajhahu) telah mengatakan sabagaimana di-riwayatkan daripada Al-Imam Abu Daud: "Bahawa jikalau ajaran ugama itu datang-nya dari akal fikiran neschaya di-sebelah bawah tapak sepatu muza (dalam perkara Massul-Khuffain) itu lebeh utama di-sapu dengan ayer wudhu' dan bukan di-sebelah atas-nya, tetapi sa-sunggoh-nya saya telah melihat Rasulullah (Sallallahu 'Alaihi Wassallam) telah menyapu di-atas belakang dua sepatu muza baginda." Demikian-lah kata-nya. Maksudnya di-sini, setengah2 hukum ugama itu dapat di-ketahui rahsia dan hikmat-nya dalam menguat-kuasakan hukum2 itu, sementara sa-bahagian-nya yang lain tiada dapat di-seloki oleh akal kita. Tetapi sa-orang yang beriman hendak-lah menerima dengan taat dan tenang.

Akhir-nya menurut keputusan Kongress Pertubohan Rabitah Al-Alam Al-Islami yang berpusat di-Mekkah Al-Mukarramah bersidang pada bulan Zul-Qaedah dan Zul-Hijjah 1394H. Di-antara keputusan-nya ia-lah: "Menegah dan membantah perbuatan menyekat beranak dan menyekat keturunan umat Islam. Perbuatan itu berlawanan dengan ajaran Islam. Sa-benarnya penganjor2 fikiran itu hendak menipu umat Islam. Hal yang sa-demikian itu, akan mendatangkan keburokan dan kebinasaan pada siasah, ekonomi, sosial dan pertahanan umat Islam. Telah banyak fatwa daripada ulama umat Islam di-keluarkan pada membantah penyekatan beranak di-kalangan umat Islam pada hal ulama yang mengeluarkan fatwa itu ulama Islam yang mu'tabar dan di-beri keperchayaan pada fatwa2 mereka." Demikian-lah menurut keputusan itu sa-chara lojik dan tegas.

*WALLAHU A'ALAM.*

# Lawatan rasmi Ketua Menteri Sabah ka-Brunei





KETIBAAN YAB Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh di-Lapangan Terbang Antarabangsa, Berakas telah di-sambut oleh YAB Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin serta lain2 pegawai kanan Kerajaan (gambar atas). Isteri YAB Ketua Menteri Sabah pula (gambar sebelah kanan) yang tiba beberapa minit kemudian telah di-sambut oleh isteri YAB Menteri Besar Brunei. Sapanjang dalam lawatan rasmi ka-negeri ini YAB Ketua Menteri Sabah serta rombongan telah membuat beberapa lawatan ka-beberapa buah jabatan kerajaan dan lain2 tempat termasok lawatan ka-bangunan Radio dan Talivishen Brunei, (gambar bawah) ketibaan YAB Ketua Menteri itu ketika di-perkenalkan dengan beberapa orang pegawai kanan RTB, dan gambar bawah kanan, Yang Amat Berhormat itu di-bawa meninjau ka-beberapa bahagian perlaksanaan kerja siaran talivishen.







YAB Ketua Menteri Sabah serta rombongan dengan di-iringi oleh pegawai2 kanan Jabatan Pertanian dan lain2 orang kenamaan berjalan-jalan dan meninjau ka-beberapa bahagian di-kawasan ladang ternakan lembu McFarm di-Kampong Tungku Gadong.



MEMERHATIKAN salah satu bahan pameran yang di-perlihatkan di-Muzium Brunei.

# PILEH-LAH RANCHANGAN2 KEGEMARAN AWDA

..............................................potong disini..............................................

RADIO TALIVISHEN BRUNEI

APA PILEHAN AWDA?

SO'ALAN KAPADA PENUNTON

NAMA:..........................................................

JANTINA:.......................................................

UMOR: 5 - 15 [ ] 16 - 20 [ ] 21 - 30 [ ] 30 KA-ATAS [ ]

SIRI DETEKTIF
- CHARLIE'S ANGELS
- VEGAS
- MINDER
- THE GENTLE TOUCH
- THE PROFESSIONAL
- EISCHIED
- STONE
- STARSKY AND HUTCH
- TINKER TAILOR SOLDIER SPY

POLIS/KOMIDI
- MISADVENTURES OF SHERIFF LOBO
- DUKES OF HAZZARD
- CHIPS

SIRI DRAMA MODEN
- DALLAS
- FOUNDATION
- WHO PAYS THE FERRYMAN
- RICHMAN POORMAN
- TELFORD'S CHANGE
- TYCOON

SIRI DRAMA LAMA
- DUCHESS OF DUKE STREET
- BEULAH LAND
- ANNA KARENNINA
- POLDARK
- LILLIE

SIRI KOMIDI
- BILLY LIAR
- WKRP IN CINCINNATI
- GEORGE AND MILDRED
- DAD'S ARMY/ DAVE ALLEN
- DICK EMERY
- MORECAMBE AND WISE
- GOOD LIFE
- ARE YOU BEING SERVED?
- BENSON/SOAP

SIRI COWBOY
- BIG VALLEY
- GREAT WESTERN THEATRE
- HOW THE WEST WAS WON
- HIGH CHAPARRAL

SAINS FIKSHEN
- DR WHO
- BLAKE SEVEN
- TOMORROW PEOPLE
- JASON OF STAR COMMAND
- STAR TREK
- STAR MAIDEN

SIRI KOMIDI KANAK2
- CHILDREN FEATURE
- DAVID COPPERFIELD
- CHILDREN OF FIRE MOUNTAIN
- GRANGE HILL

SIRI HIBORAN KANAK2
- JACKSON
- MUPPET
- MAGIC
- CIRCUS

SIRI KOMIDI KANAK2
- MORK AND MINDY
- BEWITCHED
- BAD NEWS BEARS

PUPPET SHOW
- SESAME STREET
- SHARI SHOW

FILEM RENCHANA
- SECRET OF THE SEA
- WORLD ABOUT US
- ANIMAL WORLD
- CITIES
- LIFE ON EARTH
- SURVIVAL
- CORAL JUNGLE

RANCHANGAN HIBORAN
- MONTE CARLO SHOW
- DONNIE AND MARIE SHOW
- JAMES LAST STAR PARADE

SOKAN
- GUSTI
- BOLASEPAK
- TINJU
- RUGBY
- GOLF
- TENNIS

..............................................potong disini..............................................

RTB ingin mengetahui pendapat2 awda mengenai ranchangan2 luar negeri yang telah dan sedang di-tayangkan tiap2 minggu. Sa-belum memberikan jawapan2 awda, bacha-lah dahulu chara2 menjawap seperti di-bawah.

CHARA MENJAWAP.

1. Tulis-lah Nama, Jantina dan Umor awda yang sebenar di-tempat2 yang telah di-sediakan. Semua nama semaran tidak akan di-layan.

2. Setiap ranchangan yang di-sediakan, di-sertakan 2 kotak kosong. Kotak pertama ia-lah untok angka2 yang awda beri pada ranchangan2 mengikut kesuka'an dan kegemaran. Mithal-nya jika awda pileh ranchangan pengintipan "CHARLIE'S ANGELS" beri-lah angka 1 bagi "CHARLIE'S ANGELS" dan angka 2 bagi berikut yang awda gemari dan seterus-nya. Beri-lah angka '0' bagi ranchangan2 yang awda tidak suka sama sekali.

   CHARLIE'S ANGELS [ 1 | ]

3. MASA.

   Di-sini kami beri tiga (3) masa.

   a). Sebelum pukul 7.00 malam - (A)

   b). 7.15 hingga 8.15 malam - (B)

   c). Selepas Warta Berita - (C)

   Nyatakan-lah di-dalam kotak yang satu lagi waktu bila awda fikir sasebuah ranchangan itu harus di-tayangkan. Mithal-nya jika awda sukakan "CHARLIE'S ANGELS" di-tayangkan pada pukul 7.15 minit malam, tulis-lah huruf "B" dalam kotak ini seperti berikut:

   CHARLIE'S ANGELS [ 1 | B ]

4. Potong-lah borang ini seperti yang di-kehendaki. Hantar-lah borang jawapan awda kapada:

   BAHAGIAN RANCHANGAN2 TALIVISHEN,
   TINGKAT 2,
   RADIO TALIVISHEN BRUNEI,
   BANDAR SERI BEGAWAN,
   BRUNEI.

## RANCHANGAN BARU RADIO

DARI pembangunan yang ketara kita lihat, pehak Kerajaan sentiasa ber-usaha dengan mengiatkan bidang ekonomi sa-bagai sa-bahagian dari kehendak negara untok memenohi pembangunan negara di-bidang tersebut. Walau di-mana pun raayat berada, kerajaan tetap memberikan perhatian-nya dengan menyalorkan kaedah dan kehendak bidang ini.

Melalui Jabatan tertentu khusus Jabatan Kemajuan Kerjasama, kerajaan mengharapkan supaya raayat dalam bidang ini tidak akan tertinggal begitu jauh. Berjuta-juta ringgit di-taborkan semata-mata untok kepentingan raayat jua tanpa menagih budi yang di-tabor itu. Keadaan ini jelas kapada kita dengan ada-nya pertumbohan Sharikat2 Kerjasama yang berdaftar dewasa ini.

Maka dengan ada-nya pertumbohan sharikat ini, ia-nya di-harapkan sedikit sa-banyak dapat membantu raayat dalam berdikari membentok kehidupan taraf ekonomi yang baik dan akan menjamin di-masa2 yang akan datang.

Ini-lah merupakan sabuah ranchangan baru yang menemui pendengar melalui media radio kita. Usaha radio dalam mengetengahkan usaha raayat kita Brunei dalam bidang ini.



SAPERTI yang kelihatan d... bersama Pegawai2 Kanan da... Sharikat Kerjasama Mukim ... pada bulan Mach ini.



THE English Service of Radio Television Brunei is reorganising its programmes with effect from March the 2nd this year. A new programme is format on its schedule has been introduced to suit the needs of listeners at particular times.

The daily morning transmission from Monday to Thursday and on Saturday from 11.00am to 12.00 noon cover programmes for women which comprise health and science items, tips and household units, talks given by the experts and participation by the public and from 12.00 noon to 1.30pm the programmes are about current affairs both local and international; interspersed with music.

Night programmes have also been changed in which announcers host their own night programmes for two hours in the evening; for instance we have a variety of light classical music on the evening called The Classical Music Night—Pop Music with fun and entertainment on the Pop Music Night and apart from these we have several educational programmes included in the Student Night.

(For more detail regarding English Section's programmes see English Programmes schedule on page 16).

# RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pehak Radio Talivishen Brunei berhak untok menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebeh dahulu.

## RABU — 4HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 MEDITERRANEAN VENTURE
5.30 JOSIE AND THE PUSSY CATS IN OUTER SPACE
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 LITTLE LORD FAUNTLEROY — (Siri baru)
Kesah sa-orang kanak2 yang baik hati menerima pembalasan dengan mewarisi harta pesaka yang tidak di-duga-nya
6.30 DR WHO — "The Androids of Tara" Bahagian pertama
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 DR WHO — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 DALLAS —
"The Fourth Son" J.R. merasa gembira sedangkan Bobby merasa malu dengan tenggelam-nya sa-buah kapal pengangkut minyak mereka.
7.49 AZAN ISHA
7.53 DALLAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
9.00 TOP RANK FIGHTS OF THE 70'S
9.50 TAYANGAN GAMBAR TV:
"Castle Keep"
Pelakun2-nya Burt Lancaster, Peter Falk, Patrick O'Neal, Jean Pierre Aumont dan Al Freeman Jr.
11.30 SIARAN TAMAT.

## KHAMIS — 5HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 TOM AND JERRY — Ep. 12
6.30 THE TOMORROW PEOPLE
6.38 AZAN MAGHRIB
6.42 THE TOMORROW PEOPLE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE DREAM MERCHANTS
7.49 AZAN ISHA
7.53 THE DREAM MERCHANTS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 HIDAYAT
9.00 DUNIA MINGGU INI
9.30 WKRP IN CINCINNATI —
"Most Improved Station"
10.00 FROM HERE TO ETERNITY
10.50 GREAT WESTERN THEATRE
11.40 SIARAN TAMAT.

## JUMAAT — 6HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 CHILDREN'S SERIAL PACKAGE — "Chimpmates"
5.30 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 BIGFOOT AND WILDBOY — Episod terakhir.
6.30 BARRIERS
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 BARRIERS — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VARIETY SHOW —
"The Osmond Brothers Special"
7.48 AZAN ISHA
7.52 VARIETY SHOW — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ALAM PERTANIAN
9.00 SOAP
9.30 TRANSCONTINENTAL CUP OF CLUBS — Nottingham Forest vs National Uruguay
11.00 HAWAII FIVE 'O'
11.50 SIARAN TAMAT.

## SABTU — 7HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
4.55 SESAME STREET
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 THE MERRIE MELODIES
6.30 BEWITCHED —
"The Good Fairy Strikes Again"
The Good Fairy membawa petanda burok bagi Darrin dan Samantha.
6.37 AZAN MAGHRIB
7.41 BEWITCHED — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 APHRODITE'S INHERITANCE —
7.48 AZAN ISHA
7.52 APHRODITE'S INHERITANCE — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 SERIKANDI
9.20 TAYANGAN FILEM INDONESIA—
Hatiku Dalam Hatimu.
Pelakun2: Nenny Tyrana, Jeffri Sani, Tanti Josepha.
11.10 LIFELINE —
Satu siri ranchangan mempaparkan dunia perubatan.
12.00 SIARAN TAMAT.



'LOVE BOAT' akan mengakhiri pelayaran-nya di-kacha talivishen awda dalam episod terakhir siri tersebut, kelihatan pelakun2 yang telah membawa awda belayar dari minggu ka-minggu.

## AHAD — 8HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 HOW
5.30 THE ADVENTURES OF SUPERMAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 CHILDREN'S FEATURE —
"Mauro the Gypsy"
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 CHILDREN'S FEATURE — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LIFE ON EARTH —
"Themes And Variations"
7.48 AZAN ISHA
7.52 LIFE ON EARTH —sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 BOSOM BUDDIES
9.00 GETARAN IRAMA
9.30 BACKSTAIRS AT THE WHITE-HOUSE
10.20 ARMCHAIR THRILLER —
"The Limbo Connection"
Bhg. 5.
10.50 SIARAN TAMAT.

## ISNIN — 9HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 FOLLOW ME
5.15 THE SUPER 7
5.30 AUDUBON WILDLIFE THEATRE — "Mule Deer Country"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 HERE'S BOOMER —
"Molly"
6.30 GRAHAM'S GANG — Ep. 3
"William's Week"
Mildred memaksa kumpolan-nya mengambil bahagian dalam satu perarakar sekolah yang akhir-nya membawa kebinasaan.
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 GRAHAM'S GANG — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 VEGAS — "The Day The Gambling Stopped"
7.48 AZAN ISHA
7.52 VEGAS — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 MAJALLAH BRUNEI
8.50 THE ROAD TO WEMBLEY
9.40 DUKES OF HAZZARD
10.30 PATROL BOAT —
"Follow the Leader"
Sa-telah menjalankan satu tugas yang panjang HMAS Ambush menuju Cairns apabila menerima arahan untok menyambong tugas enam hari lagi.
12.15 SIARAN TAMAT.

## SELASA — 10HB MAC.

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
4.28 SUSUNAN RANCHANGAN
4.30 KAP KAP UDANG
5.00 THE NEW ADVENTURES OF BATMAN
5.30 THE SHARI SHOW
6.00 RENGKASAN BERITA
6.05 GRANGE HILL
6.30 ABC INTERNATIONAL
6.37 AZAN MAGHRIB
6.41 ABC INTERNATIONAL — sambongan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 LOVE BOAT — Episod terakhir.
7.48 AZAN ISHA
7.52 LOVE BOAT — sambongan
8.15 WARTA BERITA
8.30 ARENA SOKAN
9.00 TAYANGAN GAMBAR:
"Law and Order"
Antara pelakun2-nya ia-lah Ronald Reagan yang menjadi sa-orang hero dalam filem ini.
11.00 DICKENS OF LONDON
11.15 SIARAN TAMAT.



JESSICA Tate dan Mary Campbell dalam salah satu adigan dari siri komidi 'SOAP' yang di-tayangkan pada tiap2 hari Jumaat 9.00 malam.



GLEN Anderson sa-bagai Cedric Errol, Lord Fauntleroy dalam siri baru "LITTLE LORD FAUNTLEROY" pada hari Rabu ini jam 6.05 petang.



MENERIMA chenderamata dari Pemangku Yang Dipertua Adat Istiadat, YAM Pengiran Maharaja Lela Sahibul Kahar Pengiran Anak Haji Mohd Yusof — gambar atas, dan gambar bawah — chenderamata yang di-sampaikan oleh Speaker Dewan Majlis YAM Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar.





DYMM Pemangku Raja Pahang dengan di-iringi oleh pegawai2 Adat Istiadat, mendengarkan penerangan ketika membuat lawatan ka-lapau.

# DYMM Pemangku Raja Pahang melawat Lapau, Dewan Majlis, Maktab Perguruan SHBG.



DYMM Pemangku Raja Pahang di-ziarah oleh Jurutulis Majlis2 Mashuarat, Dato Paduka Awang Haji Judin ketika lawatan ka-Dewan Majlis.



DENGAN di-iringi oleh Pemangku Pengetua Maktab (gambar atas) dan lain2 pegawai, DYMM Pemangku Raja Pahang melawat ka-beberapa bahagian Maktab Perguruan Sultan Hassanal Bolkiah Gadong.



MELAWAT ka-Bilek Perpustakaan di-mana DYMM Pemangku Raja Pahang di-persembahkan dengan tarian asli Brunei oleh penuntut2 maktab.



MELAWAT di-dewan latehan jasmani maktab.





ANTARA bilek2 yang di-lawati Baginda termasok-lah bilek lukisan. Kelihatan Kebawah DYMM Pemangku Raja Pahang ketika di-alu-alukan ka-bilek tersebut.

KEBAWAH DYMM Pemangku Raja Pahang di-iringi oleh Pengetua PTE ketika di-junjong untok melawat ka-beberapa bahagian bangunan pusat tersebut.

# Melawat Pusat Tingkatan Enam



DI-BILEK Lukisan, Baginda telah juga berkesempatan menyaksikan lukisan2 batek yang di-usahakan oleh penuntut2 pusat tersebut.



KEBAWAH DYMM Pemangku Raja Pahang menanda-tangani buku lawatan Bilek Perpustakaan Pusat Tingkatan Enam.



DI-BILEK Perpustakaan Baginda telah berkesempatan melihat ketekunan pelajar2 pusat tersebut ketika membuat ulang-kaji dan rujokan pelajaran mereka.



KETUA Penuntut Pusat Tingkatan Enam, Awang Hassan bin Ibrahim telah menyembahkan sa-buah chenderamata kapada Kebawah DYMM Pemangku Raja Pahang sa-bagai memperingati keberangkatan lawatan Baginda ka-pusat tersebut.



BERGAMBAR ramai di-antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan pemain2 dari pasokan2 yang menyertai Kejohanan Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali ke-4.




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia (tengah) bergambar sama dengan pemain2 dari Pasokan Calatagan Filipina yang menjadi juara perlawanan tahun ini bagi merebut Piala Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri.

# Kejohanan Perlawanan Polo Antarabangsa Brunei kali ke-4 berakhir








dalam perlawanan tersebut di-sandang oleh Pasokan Polo Diraja
atan membelakang, DYMM Pemangku Raja Pahang menerima
angan dari Kebawah DYMM Baginda Sultan.



BERBUAL mesra dengan dhaif2 kehormat di-majlis penyampaian hadiah yang telah di-langsongkan di-Kelab Polo Jerudong.

## sokan Polo
## tagan juara
## ahun ini
## kan Kebawah
## M mendudoki
## mpat ketiga



AN dari gambar2 perlawanan antara beberapa buah pasokan
rtai di-kejohanan tersebut — gambar2 sa-belah kanan, bawah
h dan kiri.





# PAHIT MAUNG PENGAWAS LETAK KERETA

## Yang aktif, tidak malu dan peramah amat sesuai untok jawatan ini

Oleh : ZUBAIDAH HS dan ASIMAH HAR

SATU ketika dahulu sukar kita ketemu dengan wanita yang mahu bekerja di-luar rumah. Salain dari kongkongan adat, wanita juga di-anggap bersifat lemah-lembut dan tidak layak menjalankan tugas2 yang berat saperti lelaki. Dan ada sa-tengah golongan menganggap tidak manis gadis2 atau wanita berada di-luar rumah, mereka hanya layak di-dapor saja.

Tapi dengan ada-nya kesedaran dan perubahan masa, semua anggapan itu hampir hilang, kerana hari ini sudah ramai bilangan anak2 gadis yang menceburkan diri di-lapangan pekerjaan atau pun mengikuti dan memasoki bermacam2 pertubohan atau organisasi.

Menyentoh tentang kerjaya wanita di-beberapa bidang pekerjaan, baru2 ini PELITA sempat menemui beberapa orang wanita yang bertugas sa-bagai Pengawas Letak Kereta di-ibu kota. Kerjaya ini mula di-perkenalkan pada 1hb September, 1972, melalui Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan.

Pengambilan pertama sa-ramai 145 orang termasok 87 orang daripada-nya ada-lah wanita telah mula bertugas mengikut masa yang di-tetapkan ia-itu dua minggu pagi dan dua minggu sa-belah petang.

Dalam kunjongan kami, ramai pekerja2 berkenaan kelihatan sangat mesra dan peramah walau pun merasakan penat dan letih sa-panjang menjalankan tugas. "Berhujan dan berpanas sudah biasa kami tempohi, tapi semua itu tidak menghalang kami untok terus bertugas," demikian kata Dayang Aminah bte Haji Omar salah sa-orang Pengawas Letak Kereta yang sempat kami temui di-tempat di-mana dia bertugas. Beliau ada-lah merupakan salah sa-orang daripada pekerja2 dalam pengambilan pertama.

Mencheritakan pengalaman-nya bertugas sa-lama hampir sembilan tahun, bermacham-macham kesah dan kesulitan pernah di-alami-nya bila berhadapan dengan orang ramai yang tentu-nya juga berbagai ragam tabiat mereka.

Dayang Aminah menjelaskan tugas tersebut memang menyeronokkan, bagaimana pun sa-bagai saorang manusia, dia kadang2 letih dan dari keletihan itu dia kadang2 marah bila berhadapan dengan orang ramai yang tidak bertimbang rasa dan tidak faham dengan tugas mereka yang sa-benar.

Mithal-nya, kata-nya, ada orang ramai yang marah2, membunyikan hon kereta dengan kuat2, menengking dengan kata2 yang kesat dan bermacham-macham lagi. Kebanyakan mereka senghaja tidak faham dengan tugas demikian sa-hingga senghaja pula tidak mahu bertimbang rasa.

'Good mood' dan 'bad mood' itu tetap ada. Masaalah begini, ramai yang menghadapi. Hanya perkara yang perlu di-titik-beratkan ia-lah kita harus-lah tabah, sabar dan tahu menyesuaikan diri dengan segala tempat dan keadaan.

Dengan kelulusan-nya sa-takat tingkatan empat terang Dayang Aminah, maka dengan pekerjaan itu-lah saja yang dapat ia menchurahkan bakti-nya untok negara. "Saya tidak suka memileh pekerjaan, tapi pokok-nya kita bekerja dengan pekerjaan itu tidak menyalahi undang2 negara," ujar-nya sambil memberitahu yang beliau tidak suka dengan belia dan beliawanis sekarang yang suka sangat memileh pekerjaan.

Bagi Dayang Aminah bte Jambul, dia mula bertugas dalam kerjaya berkenaan pada 1972 pada pengambilan yang pertama dan hingga kini telah bertugas lebeh kurang lapan tahun. Menurut keterangan Dayang Aminah, mencheritakan pengalaman-nya, pada mula-nya beliau merasa malu kerana tugas tersebut ada-lah terbuka dengan orang ramai, tapi akhir-nya dia dapat menghilangkan perasaan malu itu kerana merasakan pekerjaan yang di-jalankan-nya itu ada-lah satu tanggong-jawab dan tugas yang patut di-laksanakan tanpa memileh dan bersandar kapada mana2 halangan, apa-tah lagi halangan perasaan. Sedangkan pekerjaan demikian merupakan satu pekerjaan yang halal dan patut di-sambut dengan hati yang jujor.

"Kami hanya bertugas sa-tengah hari, dan pendapatan kutipan lebeh kurang $30.00," jelas-nya. Dayang Aminah menambah kata, pengalaman sa-masa bertugas amat-lah banyak, umpama-nya dalam menghadapi orang ramai menerusi pekerjaan demikian, ada kala-nya orang itu baik dan dapat pula menilai tugas mereka, tapi ada yang bersifat sa-balik-nya. Andai-nya satu2 kesalahan itu timbul dari kesilapan mereka atau orang ramai itu sendiri, namun mereka mesti-lah melaksanakan tugas itu dengan taban, sabar dan bersopan-santun. "Dengan ada-nya prinsip bertugas tabah hati, kesabaran dan bersopan-santun kita tentu dapat menjayakan dan melaksanakan tugas2 dengan sempurna," jelas Dayang Aminah penoh yakin.



BERHUJAN dan berpanas memang sudah tidak asing lagi bagi sa-tiap pekerja Pengawas Letak Kereta di-negeri ini. Kelihatan pekerja wanita ini sangat menyesuaikan diri ketika menjalankan tugas — bila waktu panas terpaksa menggunakan payong dan bila hujan pun memang menggunakan payong yang sekurang2-nya hasil dari tindakan demikian ia akan dapat memelihara diri-nya dari sa-barang jangkitan penyakit !

Sa-orang lagi wanita Pengawas Letak Kereta yang kami temui ia-lah Dayang Hajjah Maimunah bte Hj. Ismail, yang di-tugaskan di-Jalan Kianggeh. Beliau mensifatkan pekerjaan demikian sa-bagai pekerjaan sementara saja, sementara menunggu kerja yang lain yang lebeh sesuai dan tetap. Ini bukan-lah bermakna ia memileh pekerjaan atau tidak senang dengan pekerjaan yang ada sekarang, tapi memandangkan beliau sudah lama bertugas sa-bagai Pengawas Letak Kereta, ia ingin mengubah dan menchari pengalaman dalam kerjaya yang lain.

Saperti Dyg. Aminah, beliau juga banyak menghadapi masaalah, lebeh2 lagi pada permulaan beliau bertugas pada tahun 1972. Ada orang ramai yang marah2 dan terkejut apabila ia minta wang daripada mereka.

"Masaalah ini dapat kami atasi sa-telah orang ramai akhir-nya faham dengan tugas ini. Sekira-nya pun ada kesulitan yang tidak dapat kami selesaikan, kami akan meminta bantuan dari Pengawas lelaki yang bertugas," jelas-nya.

Bagi Dayang Jijah bte Haji Tengah pula, pekerjaan ini memang menyeronokkan kerana pekerjaan ini di-luar dari pejabat. "Saya bertugas sa-bagai Pengawas Letak Kereta baru dua tahun, pahit dan manis sa-lama bertugas sudah chukop untok memberi pengajaran supaya saya berhati-hati menghadapi orang ramai. Saya pernah juga menerima hinaan, tapi kita sa-bagai manusia mesti-lah tahu berfikir mana yang baik dan yang burok, dan ada-lah menjadi tanggong-jawab untok kita menjaga imej supaya tidak terchemar," ujar-nya.

Dayang Jijah sa-terusnya menjelaskan, pada mula bertugas memang banyak kesah yang menyakitkan hati dan tidak kurang yang meluchukan, hinggakan memegang resit pun pernah nak jatoh. Kadang2 ada pemilek2 kereta yang marah2 kerana lambat menerima resit, sedangkan mereka ketika itu sedang sebok menyediakan resit2 yang lain.

Di-tanya mengenai dengan kerjaya ini, beliau menjelaskan, bahawa kerja ini memang-lah di-anggap-nya sa-bagai kerja sementara saja. "Apabila kami ingin mendirikan rumahtangga kami terpaksa berhenti." Berlainan pula dengan Dayang Hamidah bte Mohd. Yassin, beliau bertugas sa-lama 4 bulan belum banyak pengalaman yang di-alami-nya. Hanya harapan-nya ia akan bertugas dengan baik.

Sa-takat ini keramaian pekerja sa-bagai Pengawas Letak Kereta ia-lah lebeh kurang 175 orang. Pengutipan dalam sa-tengah hari bertugas tidak tentu, kadang2 mereka dapat mengutip dari 20 hingga ka-40 ringgit, mengikut banyak dan kesebokan letak kereta mereka di-tugaskan.

Pada keseluruhan-nya, kerjaya di-bidang ini memerlukan orang yang tahan lasak. Selalu-nya wanita yang aktif, tidak malu2 dan peramah sesuai sa-kali untok menjawat jawatan ini.



RESIT2 letak kereta sentiasa di-semak dan di-tinjau mengikut masa2 yang tertentu saperti apa yang lakukan oleh pekerja wanita ini di-tempat di-mana ia bertugas.




WAKTU menerima pembayaran dari pemilek2 kereta, senyuman yang manis dan tegor sapa yang bersopan-santun perlu ada, begitu-lah sikap yang perlu di-mileki oleh mereka di-samping bersifat peramah dan tidak malu2 yang kena pada tempat-nya!

# Intisari RTB minggu ini



ini Pemangku Pesurohjaya Kemajuan Kerjasama bit Ranchangan ketika membuat tinjauan ka-Kedai Belait. Ranchangan ini akan menemui pendengar



## SERIKANDI

KEGIATAN wanita di-berbagai-bagai bidang semakin meluas dewasa ini termasok di-bidang kerjaya dan bermacham2 lagi. Memandangkan kejayaan yang di-perolehi itu, ramai kaum wanita kita berlumba2 untok mencheborkan diri dalam apa jua bidang. Dan sejak akhir2 ini sudah terdapat banyak wanita kita yang memperolehi Ijazah dan memegang jawatan penting saperti mana yang di-pegang kaum lelaki.

Dan untok itu, Serikandi malam ini mengundang Pg Anak Hjh Masnah Pg Muda Safiuddin untok mencheritakan mengenai dirinya.

Di-samping itu puan2 akan dapat mengikuti tunjok-chara menanam cactus, untok itu kita bersama Dy Sarimbangun bte safar, dan juga puan2 akan dapat berhibor dengan Bu Hjh Fatimah dengan rakan beliau dalam mendendangkan 'dundang'. Dan mengakhiri ranchangan ini kami bawa puan2 ka-satu pameran intan berlian yang di-adakan beberapa bulan yang lalu. Kelihatan dalam gambar ini Dk Rasinah bersama dengan Pg Anak Hjh Masnah Pg Muda Safiuddin dan tunjok chara menanam cactus oleh Dy Sarimbangun bte Safar.



# PESERTA2 MUTIKA '81 PERENGKAT SEPAROH AKHIR

INI-LAH dia keputusan pertandingan Perengkat Suku Akhir ranchangan MUTIKA 1981.

1) Saadiah Haji Ghazalie
2) Ak Othman Pg Haji Serudin
3) Ak Zainal Abidin Pg Puteh
4) Mohamed Karim
5) Dk Faridah Pg Damit
6) Musa Mohd Daud
7) Ismail Rendah
8) Khadijah Haji Mohd Husain
9) Ak Hidup Pg Omar
10) Ak Ramlee Pg Haji Seruddin
11) Abd Basir Haji Haneefa
12) Suaidy Trokie
13) Masni Haji Abdullah
14) Nik Ismail Minudin
15) Haslinda Mohd Taib
16) Ak Mohd Salleh Pg Ismail
17) Jamilah Osman
18) Abdullah Haji Tahir
19) Anis Supiantara Moslam
20) Ak Omarali Pg Maharie
21) Rosidah Jamudin
22) Mohamed @ Roslim Daud
23) Ak Mulek Pg Hj Damit
24) Ak Mohidin Pg Md Daud
25) Md Zain Abd Rashid
26) Dk Norsaadah Pg Mahmud
27) Ak Osman Pg Damit
28) Zainab Ibrahim
29) Junaidie Abd Rahman
30) Masni Ali
31) Shahbuddin Ibrahim
32) Dk Rokiah Pg Abdullah

Sa-banyak empat ranchangan perengkat sa-paroh akhir telah pun di-atorkan. Jangan lupa mengikuti-nya dengan ranchangan pertama yang akan di-siarkan di-talivishen pada hari Ahad malam 15hb Mach, 1981.



DRAMA sandiwara radio yang bertajok 'Mengharap sa-tegok kaseh' hasil pena ADI RATNA yang di-lakunkan di-Studio B yang telah di ubah suai dengan peralatan yang moden bagi menyesuaikan rakaman drama radio.

Kelihatan para pelakun yang menjayakan drama tersebut dari kiri: Mohd Noor Muhammad, Annuar Haji Abdul Hamid, Saloma Mahmud, Aya Haji Abdul Hamid dan Abd Halim Hashim.

# RANCHANGAN TVP DARI 9HB HINGGA 15HB MACH

## ISNIN — 9HB MACH

PAGI

8.50 LOOK, LISTEN AND SPEAK 8
Ranchangan ini mengajar murid2 nama2 bahagian badan. Beberapa perkataan yang bermula dengan huruf 'h' juga di-ajarkan dan dua teka-teki juga di-muatkan dalam ranchangan ini.

9.20 SAINS UNTOK DARJAH 4
(Perchambahan Biji Beneh II)
Biji beneh memerlukan beberapa perkara untok berchambah. Salah satu dari-nya ia-lah ayer. Ayer dapat melarutkan makanan yang terdapat di-dalam kotilidan dan di-hantar ka-tunas biji.
Untok mengetahui selanjut-nya akan perkara2 yang di-kehendaki oleh biji beneh untok berchambah, ikuti-lah ranchangan ini nanti.

10.30 KAP KAP UDANG 298.
Ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 BERMAIN MUSIK, DI-MANA TEMPAT-NYA, AMINAH, BERMAIN KUDA, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Halaman BERCHERITA Che'gu Rokiah akan bercherita dari hal 'Burong Hantu Dengan Kelawar.'

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 298.

## SELASA — 10HB MACH

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 8

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 4
(Perchambahan Biji Beneh II)

10.30 KAP KAP UDANG 299
Dalam ranchangan ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BERMAIN MUSIK, PETI SURAT, MAIN KIM, BERSENAM, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Si-Burok'.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 299.

## RABU — 11HB MACH

PAGI

8.50 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK 8

9.20 SIARAN ULANGAN SAINS UNTOK DARJAH 4
(Perchambahan Biji Beneh II)

10.30 KAP KAP UDANG 300
Ranchangan hari ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti BERSENAM, KERJA TANGAN, SI-MANIS, AMINAH, KATA SI-MANIS, SIRI PERMULAAN dan CHERMIN SAKTI.
KERJA TANGAN hari ini Che'gu Rokiah akan menunjokkan chara membuat anak patong daripada kulit telor ayam.
Halaman SIRI PERMULAAN Che'gu Rokiah akan bercherita tentang kerangkerangan.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 300.

## KHAMIS — 12HB MACH

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 301
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti MAIN BAKUL, TEKA BENDA, AMIN, MAIN BOLA, PEKERJAAN SENDIRI dan CHERMIN SAKTI.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 301.

## JUMAAT — 13HB MACH

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Ranchangan kali ini di-muati dengan aktiviti2 saperti BOLA TUMBOK, TUNJOK BENDA, AMINAH, MAIN BELON, YANG MANA GANJIL dan CHERMIN SAKTI.

## SABTU — 14HB MACH

PAGI

10.30 KAP KAP UDANG 302.
Dalam ranchangan ini Che'gu Rokiah dan anak2 akan membuat aktiviti2 saperti KETUA KESELAMATAN, PEKERJAAN SENDIRI, BOLA TUMBOK, AMINAH, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah PUTERI SALJI DAN TUJOH ORANG KERDIL.

PETANG

4.30 SIARAN ULANGAN KAP KAP UDANG 302.

## AHAD — 15HB MACH

PETANG

4.30 KAP KAP UDANG
Dalam ranchangan kali ini Che'gu Rokiah dan anak2 membuat aktiviti2 saperti MAIN KERUSI, BANG, KETUA KESELAMATAN, AMIN, BERCHERITA dan CHERMIN SAKTI.
Tajok cherita Che'gu Rokiah hari ini ia-lah 'Pergi ka-Tamu'.

PERHATIAN:

Ranchangan 'Perchambahan Biji Beneh II' ini ada-lah ranchangan terakhir bagi siri ranchangan 'Sains Untok Darjah 4' bagi penggal pertama. Siri ranchangan 'Sains Untok Darjah 5' pula akan dapat di-saksikan pada awal Penggal Kedua ia-itu pada 4hb Mei, 1981. Harap maalum.

## Piala Malaysia: BRUNEI SERI DGN PAHANG

Sabtu 28hb Feb.

GADONG. — Brunei telah seri 1-1 dengan Pahang dalam siri perlawanan bolasepak Piala Malaysia yang berlangsong di-sini malam semalam.

Gol2 bagi kedua pehak telah di-jaringkan dalam sa-paroh masa pertama di-mana ia-nya telah di-dahului oleh jaringan dari pasokan Pahang dalam minit ke-12 sa-telah perlawanan di-mulakan.

Bagaimana pun dalam beberapa minit sa-belum perlawanan di-tamatkan bagi sa-paroh masa pertama Brunei telah berjaya menyamakan kedudokan melalui sepakan Ak Zamani Pengiran Ahmad.

Perlawanan tersebut ada-lah merupakan permainan yang kelapan bagi Brunei dan yang ketiga di-tempat sendiri. Sa-jauh ini Brunei telah memperolehi 7 mata dalam siri perlawanan tersebut.

## Pemain Chator Brunei pulang semalam

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang pemain chator Kebangsaan Brunei yang baru2 ini menyertai kejohanan chator bandar raya Asia di-Hongkong baru2 ini telah pulang ka-tanah ayer semalam.

Brunei ada-lah buat pertama kali menyertai perlawanan tersebut yang telah di-sertai oleh 26 buah pasokan dari negera2 Asia.



BEGINI-LAH aksi peserta menunjokkan permainan 'Gerak Badan Sembilan.'

BELIA DAN SOKAN

## BOLASEPAK SEKOLAH2 DAN MAKTAB2 SELUROH NEGERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu lagi aktiviti tahunan yang di-usahakan untok pelajar oleh Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran ia-lah perlawanan bolasepak bagi sekolah2 dan maktab2 seluroh negeri.

Perlawanan yang sering menarek ramai peminat itu saperti yang sudah2 akan di-jalankan sa-chara berperengkat dan terbahagi kapada sekolah2 rendah, menengah bawah dan menengah atas yang termasok maktab2.

Perlawanan perengkat daerah bagi sekolah rendah di-seluroh negeri telah bermula minggu lalu di-mana semua perlawanan akhir akan di-adakan sa-rentak pada 17hb. Mach depan.

Bagi sekolah2 menengah bawah perlawanan di-perengkat tersebut telah pun bermula pada 24hb. Mach lalu. Perlawanan akhir akan di-adakan pada 22hb. Mach depan.

Sementara itu perlawanan di-perengkat tersebut bagi seluroh negeri akan di-langsongkan pada 26hb. Mach manakala perlawanan akhir-nya pula akan di-jalankan pada bulan April depan.

Ada-lah di-fahamkan yang semua perlawanan perengkat negeri bagi semua bahagian akan di-jadualkan berlangsong dalam bulan April depan.

## 91 TAMAT SILAT GERAK SEMBILAN

Di-samping bahasa, kebudayaan ada-lah merupakan chiri yang terpenting untok memperkenalkan sesuatu bangsa itu. Chorak budaya bangsa pula boleh di-kenali melalui kesenian yang di-gayakannya.

Satu2-nya jalan bagi mana2 jenerasi untok menjadikan kebudayaannya tak mudah tergugat oleh chabaran keadaan ia-lah dengan tidak mengenepikan usaha untok terus menghidupkan pelbagai seni yang telah di-temurunkan oleh nenek moyang yang telah mempelopori-nya. Ada-lah tidak patut jika bangsa itu membiarkan hak warisannya mati dan akan hilang begitu sahaja atau dengan kata lain akan berkubor dengan orang2 yang telah mengasaskan-nya.

Seni Silat dan Kuntau ada-lah merupakan seni mempertahankan diri yang tidak kurang perlu-nya bagi menghidupkan kebudayaan bangsa Melayu malah lebeh dari itu ia-nya telah dapat mendokong kesempurnaan dalam kehidupan pemileknya melalui chiri2 halus, tata-tertib dan sa-bagainya yang boleh mengujudkan keharmonian yang menjadi taras peribadi yang mesti di-mileki oleh mereka yang mempelajari-nya.

Dengan menamat-nya sa-ramai 91 orang ahli2 silat pasokan Askar Melayu Diraja Brunei yang termasok 54 orang kanak2 ada-lah bererti yang kita orang2 Brunei yang berketurunan Melayu akan mula menyelak 'daun pintu' sa-luas2-nya bagi mengembang dan menghidupkan kesenian kita untok di-resapi oleh para belia yang meminati-nya.

Satu majlis penyampaian ijazah bagi mereka yang menjalani penamatan telah di-adakan minggu lalu di-Dewan Gerak Badan di-Perkhemahan Berakas yang mana telah di-lakukan oleh Timbalan Pemerentah Pasokan AMDB; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kolonel Haji Mohammad bin Haji Daud.

Ahli2 yang telah menjalani penamatan itu ada-lah merupakan penuntut2 'Seni Silat Gerakan Sembilan' yang telah memulakan latehan mereka sejak enam tahun lalu di-bawah tunjok ajar Pengiran Mohd. Daud bin Pengiran Salleh.



GAMBAR atas: Salah sa-orang peserta yang telah menamat sedang menerima ijazah-nya daripada Timbalan Pemerentah AMDB, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Dato Seri Pahlawan Kolonel Haji Mohammad bin Haji Daud.

Gambar bawah: Ahli2 silat Gerakan Badan Sembilan sedang menunjokkan satu daripada bunga permainan.

Gambar bawah sekali: Dua daripada ahli sedang menunjokkan tunjok chara perlawanan dalam permainan. Gambar2 ehsan Pengiran Suhaimi bin Pengiran Maun dari AMDB.





## Rentas desa sa-negeri

TUTONG. — Perlumbaan rentas desa tahunan sekolah2 rendah, menengah dan maktab2 perengkat sa-negeri akan di-langsongkan sa-rentak pada 14hb. Mach depan di-Arena Sokan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-sini.

Perlumbaan tersebut ada-lah merupakan salah satu daripada projek tahunan Bahagian Latehan Jasmani Jabatan Pelajaran Brunei.

Pertemuan itu nanti ada-lah yang ketujoh bagi sekolah2 menengah atas di-mana pada tahun lalu ia-nya telah di-menangi oleh Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim dalam bahagian lelaki dan Sekolah Inggeris Sufri Bolkiah dalam bahagian perempuan.

Bagi sekolah2 menengah bawah ia-nya nanti ada-lah merupakan perlumbaan yang buat kali kelapan-nya di-anjorkan. Pada tahun lalu dalam bahagian lelaki bagi sekolah2 tersebut bahagian 'A' telah di-menangi oleh Sekolah Persediaan Inggeris Lumapas, bahagian 'B' Sekolah Menengah Melayu Sultan Hassan dan bahagian 'C' pula ia-lah Maktab Anthony Abell Kuala Belait.

Bagi peserta bahagian perempuan 'A' perlawanan bagi sekolah2 tersebut telah di-menangi kejohanan-nya oleh Sekolah Persediaan Inggeris Pengkalan Batu di-Daerah Brunei Muara dan perempuan 'B' pula ia-lah Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim di-sini.

Sementara itu bagi sekolah2 rendah pula perlumbaan itu ada-lah merupakan pertemuan buat kali yang ka-17 di-mana pada tahun lalu dalam bahagian lelaki ia-nya telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Sultan Hashim Batu Apoi Temburong dan bahagian perempuan Sekolah Melayu Supon Tutong II.

Berikutan dengan perlawanan yang akan di-langsongkan itu nanti, sejak awal bulan lalu semua sekolah2 dari perengkat rendah hingga ka-menengah atas telah pun melangsongkan beberapa perlawanan bagi memileh wakil2 ka-perengkat daerah yang saterus-nya bagi memileh wakil daerah ka-perengkat negeri.

# KERJAYA DALAM PASOKAN AMDB

## ANGGOTA ANGKATAN LAUT

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00, jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kapal2 Angkatan Laut Diraja apabila tamat latehan dan akan menerima salah satu daripada tiga tangga gaji pokok bergantong kapada kelayakan masing2 saperti berikut sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut :
   'B' — $545.00 — $665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $731.00 — $851.00
   'A' — $565.00 — $685.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $751.00 — $871.00
   'X' — $625.00 — $750.00, alaun permakanan $186.00 jumlah — $811.00 — $936.00
3. Di-Angkatan Laut juga mempunyai alat2 sistem senjata yang moden dan dari itu kemahiran dalam bidang letronik dan kejuruteraan untok mengendalikan jentera2 laut amat-lah di-perlukan. Jika awang2 pemuda raayat Kebawah DYMM maka tenaga awang2 amat-lah di-perlukan untok memenohi bidang ini. Ini hanya-lah merupakan salah satu daripada chawangan pekerjaan yang terdapat di-Angkatan Laut. Pembangunan yang pesat dalam pasokan ini ada-lah sa-mata2 bagi awang2 untok mengendalikan-nya.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan dalam perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota pasokan saperti alaun menyelam bagi penyelam2 di-dalam pasokan ini.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai bertauliah dalam pasokan ini.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.






## Sa-bagai
## Pertukangan Jurutera
## Ahli Bomba
## dan Pancharagam

### SHARAT2 KEMASOKAN

1. Raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei dan tergolong daripada salah satu dari tujoh puak jati Melayu: Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
2. Pemohon2 yang menjadi Warganegara Brunei yang tidak tergolong kapada salah satu daripada tujoh puak jati Melayu yang berugama Islam dan mengamalkan adat resam orang2 Melayu Brunei ada-lah berhak menjadi pemohon2 yang memenohi sharat2 kemasokan.
3. Bujang atau kahwin.
4. Berbadan sehat.
5. Berumor 17½-25 tahun.
6. Tinggi tidak kurang daripada 5 kaki 1 inchi.
7. Berat badan tidak kurang daripada 105 paun.
8. Sa-rendah2-nya Darjah Enam Melayu atau Primary Enam Inggeris. Kelulusan yang lebeh tinggi ada-lah sangat di-alu-alukan.

**ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI KERJAYA SA-BAGAI TENTERA BERJALAN KAKI/ANGGOTA ANGKATAN LAUT**

Nama : ..................................................

No. Kad Pengenalan : .................... Warna : ....................

Tarikh lahir : .................... Tempat lahir : ....................

Alamat : ..................................................

..................................................

Nama Warith : .................... Tarikh lahir : ....................

Hubongan : .................... No. Kad Pengenalan : ....................

Alamat Warith : ..................................................

Nama Sekolah : ..................................................

Tingkatan : ..................................................

Kelulusan : ..................................................

Kerjaya yang di-pileh : ..................................................

No. Talipon : ....................

Tarikh : .................... ....................

*Tandatangan*

## TENTERA BERJALAN KAKI

1. Menjalani latehan asas tentera 25 minggu dan akan menerima gaji pokok sa-banyak $500.00 sa-bulan dan alaun permakanan $186.00 jumlah $686.00.
2. Di-tempatkan di-kompeni2 dalam battalion apabila tamat latehan dan akan menerima gaji pokok $545.00–$665.00, alaun permakanan $186.00 jumlah $731.00–$851.00 sa-telah genap perkhidmatan sa-tahun sa-lepas tamat menjalani latehan asas sa-bagai rekrut.
3. Di-berikan kursus2 tempatan dan luar negeri dalam bidang infantri mengikut kebolehan, kelamaan dan pangkat.
4. Kenaikan pangkat yang menggalakkan bergantong kapada kemampuan, kebolehan dan kelamaan perkhidmatan.
5. Menerima alaun2, kemudahan2, keistimewaan2 dan kebajikan2 yang lazim di-berikan kapada anggota2 pasokan.
6. Jika mempunyai kebolehan dan kelayakan yang terkemuka boleh di-sokong untok menjadi pegawai yang bertauliah.
7. Berhak berpenchen sa-lepas perkhidmatan 15 tahun, tetapi perkhidmatan boleh di-lanjutkan sa-hingga 20 atau 25 tahun mengikut kemahuan sendiri dan mendapat sokongan.



Sa-banyak lapan Pusat2 Pengambilan akan di-adakan di-ke-empat2 daerah saperti yang di-umomkan melalui Radio dan Talivishen. Latehan bagi pengambilan yang akan datang ia-lah pada 4hb Mei, 1981.

Datang-lah ka-alamat di-bawah untok mendapatkan maklumat lanjut. Dan jika awang berminat isikan-lah borang yang di-sediakan dan hantarkan kapada :

PEJABAT PENGAMBILAN PASOKAN
PUSAT LATEHAN
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
BRUNEI

TALIPON No: 30531 Sambongan 01/02.

# JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JAWATAN2 DALAM PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-dalam Perkhidmatan Kerajaan, Brunei.

1. PEMBANTU X-RAY : (di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan).

**Kelayakan2 :**

a) Mesti-lah berumor di-antara 18 hingga 25 tahun.
b) Mesti-lah lulus Sijil Rendah Pelajaran Brunei.
c) Mesti-lah boleh bertutor dan menulis dalam bahasa Melayu dan Inggeris.

**Tugas2 :**

a) Kebanyakan-nya membuat kerja2 perkeranian, menerima, memail, mengeluarkan filem2 serta menanda dan mencham filem2, menyediakan penyata perangkaan bulanan dan sa-bagai-nya.
b) Juga di-kehendaki membuat tugas2 am termasok menjaga pesakit2 dan kebajikan mereka serta menjadi pembantu 'am kapada Pakar X-Ray.

**Tanggi Gaji :**
M.3 EB.4 — $455-470-485-500-515-530-545-565-585-605-630-655-680/EB/745-780-820-860-900-940.

2. PEMBANTU JURU-RAWAT LELAKI : (di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan).

**Kelayakan2 :**

Tingkatan I atau yang sebanding dengan-nya. Keutamaan akan di-beri kapada chalon2 yang mempunyai pelajaran yang lebeh tinggi.

**Umor :**
18 tahun dan ka-atas dan mesti-lah bujang.

**Tangga Gaji :**
M. 2 — $440-455-470-485-500-515-530-545-560-575-590-605-620-635/EB/650-665-680-695-710-725.

Chalon2 mesti-lah bersedia menjalankan latehan sa-lama 2 tahun 4 bulan bagi Pembantu Jururawat di-Sekolah kejururawatan, Rumah Sakit Umom, Bandar Seri Begawan, Brunei.

**Elaun :**
Pakaian seragam akan di-beri dengan perchuma.

**Tempat Tinggal :**
Chalon2 tidak-lah di-paksa tinggal di-rumah2 kediaman yang di-sediakan sa-masa dalam latehan.

3. PEMANDU MOTOR SANGKUT : (di-Pejabat Daerah Belait)

a) Pemohon2 mesti-lah berumor di-antara 20 hingga 40 tahun.
b) Mesti-lah Pemandu2 yang berpengalaman dan mengetahui alam sekitar dan selok belok Sungai Belait.
c) Boleh membacha dan menulis dalam Bahasa Melayu.
d) Mempunyai pengetahuan membaiki kerosakan2 kechil injin Motor Sangkut 40 kuda (H.P.)
e) Mengetahui kedudokan kampong2 pendalaman di-Ulu Sungai Belait adalah merupakan satu kelebehan.

**Tugas2 :**
Pemohon2 mesti-lah bersedia bertugas dan bermalam di-kampong2 pendalaman Ulu Sungai Belait.

**Tangga Gaji :**
F. 2-3-4 EB. 5 — $390-400-410-420-430-440-450-460-470-490-500-510-520/EB/530-540-560.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini Satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mach, 1981.

(E/307/79)
(Bil : 19/1981)

## Sa-bagai Pembantu Makmal

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan, berbangsa Melayu, berugama Islam mengikut Mazhab Shafiee Ahli Sunnah Wal-Jemaah untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Pembantu Makmal Bahasa di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**

a) Berumor tidak kurang dari 18 tahun.
b) Chalon2 hendak-lah mempunyai Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengan-nya serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
c) Hendak-lah tahu membacha dan menulis jawi.
d) Chalon2 yang tidak mempunyai kelulusan yang di-nyatakan di-(b) di-atas, tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan tidak kurang dari tiga tahun serta mempunyai pengalaman dalam kerja2 Makmal boleh-lah juga di-pertimbangkan.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2-3 EB. 4 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-630-655-720-755-790-825-860-900 / EB / 980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Mach, 1981.

(E/134/81)
(Bil : 21/1981)

## Sa-bagai Tukang Kayu

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Tukang Kayu di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu dan mempunyai sekurang2-nya tiga tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu. Mereka yang mempunyai kelulusan pelajaran yang lebeh rendah tetapi mempunyai beberapa tahun pengalaman sa-bagai Tukang Kayu akan juga di-pertimbangkan.

Pemohon2 mesti-lah boleh:

a) Menyediakan pelan2 yang senang dan rengkas serta membuat kerja2 itu.
b) Menyediakan taksiran kayu, dan barang2 yang di-perlukan untok (a) di-atas.

**Tangga Gaji :**
E.2-3 EB.4 — $470-485-500-515-530-545-560-575-590-605/EB/620-630-645-660-680-700.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1981.

(E/149/74 — Bil : 18/1981)

## JABATAN 'ADAT ISTIADAT NEGARA
## NOTIS TAWARAN

TAWARAN2 hendak-lah di-tujukan kapada Pengerusi Lembaga Tawaran, Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Brunei sa-hingga jam 4.00 petang pada 19hb Mach, 1981 bagi memberseh Bangunan Lapau dan Dewan Persantapan Lapau, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Butir2 lanjut boleh di-dapati di-Jabatan 'Adat Istiadat Negara, Brunei pada bila2 masa di-waktu pejabat di-buka.

Tawaran2 yang di-terima salepas tarikh yang tersebut di-atas akan di-tolak.

Tawaran2 hendak-lah di-kemukakan di-dalam sampul surat yang bertanda "TAWARAN BAGI MEMBERSEHKAN BANGUNAN LAPAU DAN DEWAN PERSANTAPAN LAPAU" dan nama pemborong tidak perlu di-nyatakan di-sampul surat. Sampul surat tersebut hendak-lah di-alamatkan kapada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran,
d/a Pegawai Kewangan Negara,
Bandar, Seri Begawan,
Brunei.

Kerajaan ada-lah berhak untok menolak tawaran yang rendah atau mana2 tawaran.

Pmk Yang Dipertua
'Adat Istiadat
Negara, Brunei.

## SA-BAGAI PENYUNTING FILEM DI-RADIO TALIVISHEN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan kosong sa-bagai Penyunting Filem di-Radio Talivishen Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman**

Keutamaan akan di-berikan kapada pemohon2 yang telah di-ambil bekerja di-Jabatan Radio Talivishen Brunei sa-bagai Penolong Penyunting Filem sekurang2-nya sa-lama tiga tahun serta telah melaksanakan tugas2 mereka dengan baik.

Pertimbangan boleh-lah juga di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengalaman sekurang2-nya sa-lama lima tahun dalam bidang penyuntingan filem di-pertubohan2 yang lain.

**Tugas2 :**

Bekerja dengan Penerbit2 Talivishen dalam bermacham ranchangan termasok drama2 dan filem2 dokumentari termasok juga filem2 selingan untok ranchangan2 talivishen yang beraneka chorak.

**Tangga Gaji :**
C. 2-3 EB. 4 — $1260-1305-1350-1395-1445-1495-1545-1615-1685-1735-1795-1855-1915-1980 / EB / 2035-2095-2155-2215-2280. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1981.

(E/919/75 — Bil: 16/1981)

## TENDER NOTICE
### EDUCATION DEPARTMENT
### TECHNICAL EDUCATION SECTION

TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, State of Brunei up to 12 noon on Thursday 26th March 1981 for the supply of machinery and equipment for Brunei technical schools, C.I.F. Brunei delivered to the schools as follows:—

Language Laboratory
Recording Booth equipment
Electrical and Electronics Equipment
Automotive Equipment
Land Surveying Equipment
Secretarial and Office Equipment
Mechanical Engineering Equipment
Catering Equipment
Science Equipment
Welding Equipment
Construction Materials
Testing Equipment
Concrete Mixers and Builders Plant
Audio Visual Equipment
Woodworking Equipment
Spray Painting Equipment.

Detailed information on the items can be obtained from the Technical Section of the Education Department, Bandar Seri Begawan, State of Brunei.

Tenders must be submitted in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked "Technical Equipment for the Education Department."

Any tender not properly addressed or received after the stipulated time and date will be rejected.

The Government does not bind itself to accept the lowest Tender.

## TENDER NOTICE
### SUPPLY OF DESKS AND CHAIRS FOR CHILDREN TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT

TENDERS are invited for the supply of the following:—

a. Drawing Desk for Children — Qty 50
b. School Desks for Children — Qty 150
c. School Chairs for Children — Qty 150

2. The tender should state price and delivery time. Sample can be seen at the office of DAQMG 2, Regimental Headquarters, Royal Brunei Malay Regiment, Berakas Garrison.

3. Tender will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Bandar Seri Begawan, Brunei at 4.00 p.m. Monday 9th March, 1981.

4. Tenders must be placed in a plain sealed envelope. There must be no indication on the envelope of the name of the tenderer. The envelope should be endorsed "SUPPLY OF DESKS AND CHAIRS FOR CHILDREN TO ROYAL BRUNEI MALAY REGIMENT."

## TENDER NOTICE
### NOMINATED SUB-CONTRACT FOR L.T. ELECTRICAL INSTALLATION AT PROPOSED PRIMARY SCHOOL, SUNGAI LIANG, BELAIT, BRUNEI

1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, Brunei from Registered Class 'A' or 'B' Electrical Contractors up to 12.00 noon, 17th March 1981.

2. Tenders received after the stipulated time will be rejected.

3. Tenders must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR L.T. ELECTRICAL INSTALLATION AT PROPOSED PRIMARY SCHOOL, SUNGAI LIANG, BELAIT, BRUNEI.

4. The Bill of Quantities are also to be submitted to the Chairman, Tenders Board together with the Tender Bids.

5. Tender documents may be obtained from the office of Messrs Sepakat Setia Perunding, 147, Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan, Brunei, from 25th February 1981 onwards during normal office hours.

6. The Tender Deposit will be B$500.00 (Brunei Dollars: Five Hundred Only) in the form of cheque made out in favour of Sepakat Setia Perunding. The tender deposit will not be refunded to the successful tenderers.

The tender deposit will be refunded to all unsuccessful tenderers who have submitted bona-fide tenders and who have return the tender drawings in satisfactory condition to the Engineer's office.

7. Prior to the issue of the tender document, each tenderer will be required to produce documentary evidence that he is a class 'A' or 'B' Electrical Contractor.

8. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang terdiri dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untok memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Pemereksa di-Jabatan Odit, Brunei.

**Kelayakan2 dan Pengalaman:**
Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mempunyai kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Ilmu Hisab. Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang berpengalaman atau pernah mempelajari Ilmu menyimpan kira2.

**Tangga Gaji :**
D. 1-2 EB.3-4-5 — $425-440-455-470-485-500-515-535-555-580-605-636-655/EB/720-755-790-825-860-900-980-1010-1040-1070-1105-1140-1175-1200-1230-1260-1290. Gaji permulaan bergantong kapada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 26hb Mach, 1981.

(E/595/72 — Bil : 17/1981)

## KENYATA'AN TAWARAN

Sharikat2 ada-lah di-pelawa untok menghantar tawaran mereka bagi perkara2 berikut untok Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei :—

i. Truck 3 ton petrol engine = 2 Buah

ii. Land Rover Cruiser Station Wagon Petrol engine = 1 Buah

iii. Engine Motor Sangkut Kekuatan 40 Kuda (40HP) = 2 Biji.

2. Semua tawaran hendak-lah di-masokkan ka-dalam sampol surat yang tertutop dengan di-tulis "Tawaran Kereta dan Engine Motor Sangkut Untok Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei" dan semua tawaran itu hendak-lah di-hantar kapada Pengerusi Lembaga Tawaran di-alamat Pejabat Kewangan di-bangunan Setiausaha Kerajaan tidak lewat pada 18hb, March, 1981 jam 12.00 tengah hari.

3. Wang deposit mengenai ketiga2 perkara ini hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Hal Ehwal Ugama (Bahagian Kewangan) Tingkat Pertama mengikut kadar yang di-tentukan saperti berikut pada bila2 masa waktu pejabat di-buka sehingga jam 3.00 petang.

i) Truck 3 ton petrol engine = $200.00
ii) Land Rover Cruiser Station Wagon petrol engine = $200.00
iii) Engine Motor Sangkut Kekuatan 40 kuda (40HP) = $100.00

4. Sharikat2 yang menghantar tawaran ada-lah di-kehendaki menghantar catalouge (gambar) jenis kereta dan engine yang di-tawarkan itu serta menyatakan butir2 saperti berikut:—

i) Tarikh sampai
ii) Harga CIF Brunei
iii) Lama dalam Jaminan
iv Lain2 hal, jika ada.

5. Kerajaan tidak akan berikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran mengenai-nya.

